

KONSEP KEPEMIMPINAN (*AL-IMAMAH*) DALAM ISLAM

Oleh:

Sayyid Sa‘id Akhtar Rizvi

Edisi Terjemahan

KOLEKSI PEMIKIRAN ISLAM

MISI ISLAM BILAL, TANZANIA

P.O.BOX 20033,

DAR AL-SALAM, TANZANIA.

KANDUNGAN

BAHAGIAN PERTAMA

UMUM

- (1). Pengertian Imamah dan Khilafah.
- (2). Perbezaan-perbezaan secara ringkas.
- (3). Faktor utama perbezaan.
- (4). Sistem kepemimpinan Islam.

BAHAGIAN KEDUA

SUDUT PANDANGAN SYIAH

- (5). `Ismah dan sifat-sifat utama yang lain.
- (6). Pemilihan oleh Allah.
- (7). Kemaksuman para Imam.
- (8). Keutamaan Ali (a.s).
- (9). Pemilihan Ali (a.s).
- (10). Ayat Al-Wilayah (Perwalian).
- (11). Pengumuman formal: Ghadir Khum.
- (12). Hadith Ghadir adalah mutawatir.
- (13). Periwayatan (asnad) hadith Ghadir.
- (14). Pengertian Mawla dari segi bahasa.
- (15). Pengertian Mawla dalam konteks.
- (16). Ali: " Diri " Rasulullah (s.a.w).
- (17). Sebahagian hadith.
- (18). Pemilihan Imam-Imam yang lain.
- (19). Khalifah atau Imam.

BAHAGIAN KETIGA

FAHAMAN ALIRAN SUNNI

- (20). Pandangan Sunni mengenai Khilafah.
- (21). Sifat-sifat seorang Khalifah.
- (22). Bagaimana Abu Bakr berkuasa.
- (23). Penelitian ringkas tentang perkara di atas.
- (24). Pencalonan Umar.
- (25). Syura: Majlis.
- (26). Kekuatan ketenteraan.
- (27). Pandangan umum mengenai perkara di atas.
- (28). Pihak yang bersifat praktikal.
- (29). Walid dan Harun al-Rasyid.
- (30). Pengaruh ke atas kepercayaan terhadap Keadilan Allah dan
`Ismah.
- (31). Pemerintahan bercorak Dinasti.

BAHAGIAN PERTAMA

UMUM

PENGERTIAN IMAMAH DAN KHILAFAH

Al-Imamah dari segi bahasa bermaksud kepemimpinan; *Imam* bermaksud pemimpin. Dari segi istilah (Islam), *al-Imamah* bermaksud kekuasaan mutlak ke atas umat Islam dalam semua urusan agama dan dunia ini sebagai pengganti nabi. *Imam* bermaksud seorang lelaki sebagai pengganti nabi yang mempunyai hak - dengan kekuasaan mutlak ke atas umat Islam dalam semua urusan agama dan dunia ini.

Perkataan lelaki menunjukkan bahawa wanita tidak boleh menjadi *Imam*. Kekuasaan mutlak tidak termasuk orang-orang yang memimpin dalam sembahyang; mereka dikenali sebagai Imam sembahyang, tetapi tidak mempunyai kekuasaan mutlak. Sebagai pengganti nabi memperlihatkan perbezaan di antara *Nabi* dan *Imam*. *Imam* menikmati kekuasaan tidak secara langsung tetapi sebagai pengganti nabi.

Perkataan *Khilafah* bermaksud penggantian manakala *Khalifah* bermaksud pengganti. Dari segi istilah, *Khilafah* dan *Khalifah* memberi erti yang sama seperti *Imamah* dan *Imam*. *Wisayah* bermaksud pelaksanaan wasiat dan *Wasi* bermaksud pelaksana wasiat. Kepentingan mereka dalam catatan umat Islam adalah sama seperti *Khilafah* dan *Khalifah*. Agak menarik untuk diterangkan di sini bahawa ramai nabi yang terdahulu adalah juga menjadi *khalifah* kepada para nabi yang mendahului mereka sebelumnya. Oleh itu, mereka ialah *Nabi* dan *Khalifah* sekaligus; sedangkan nabi-nabi lain (yang membawa syariat baru) bukanlah *Khalifah* kepada mana-mana nabi; dan terdapat *khalifah-khalifah* nabi yang mereka itu bukannya nabi.

Persoalan *al-Imamah* dan *al-Khilafah* telah memecahbelahkan umat Islam dan telah mempengaruhi pemikiran dan falsafah pelbagai puak dengan begitu kuat sehingga bahkan kepercayaan kepada Allah dan Rasul tidak terlepas daripada perselisihan pendapat. Subjek ini merupakan persoalan utama yang dibahaskan dalam teologi Islam (bidang pemikiran Islam). Orang-orang Islam telah menulis beribu-ribu buah kitab tentang *Khilafah*. Persoalan yang timbul dalam diri saya bukannya mengenai apa yang hendak ditulis tetapi apa yang tidak perlu ditulis.

Dalam buku kecil seperti ini, saya tidak dapat menyentuh semua topik dalam subjek ini dan saya juga tidak dapat memberikan semua fakta secara terperinci mengenai topik yang dihuraikan di sini. Buku kecil ini hanyalah merupakan garis kasar secara ringkas berhubung dengan perbezaan mengenai *Khilafah*. Diharap dapat dinyatakan di sini lebih awal lagi bahawa dalam persoalan ini, umat Islam terbahagi kepada dua madhhab Sunni yang mempercayai Abu Bakr sebagai Khalifah Nabi (s.‘a.w) dan Syi‘ah yang mempercayai ‘Ali bin Abi Talib (‘a.s) sebagai *Imam* dan *Khalifah*.

Perbezaan yang asasi ini telah membawa kepada perbezaan-perbezaan lain yang akan diterangkan dalam bab-bab berikutnya.

(2) PERBEZAAN-PERBEZAAN SECARA RINGKAS

Nabi (s.‘a.w) telah bersabda (dan sabda baginda diterima oleh semua mazhab Islam):-

“ Umatku akan berpecah kepada 73 *firqah* (puak), semuanya akan celaka kecuali satu.”

Para pengkaji yang ingin mencari penyelesaian telah melakukan usaha yang tidak kenal penat lelah untuk menyelidiki perkara tersebut bagi mencari petunjuk yang benar ke arah jalan yang selamat.. Sesungguhnya setiap orang wajib mencari hujah sebagai petunjuk bagi dirinya dan cuba sedaya upaya dalam hal ini dan tidak boleh sama sekali berputus asa mencari kebenaran. Bagaimanapun, ini hanya menjadi kenyataan apabila seseorang itu mempunyai pandangan yang

tajam tentang perbezaan yang menunjang di hadapannya dan mengenepikan semua perasaan prejedis dan sikap menyebelahi (sesuatu pihak), membuat penelitian terhadap semua aspek dalam sesuatu perkara itu dengan fikiran terbuka di samping mendoakan kepada Allah agar memberikan kepadanya petunjuk.

Atas alasan ini, saya bercadang menyebutkan secara ringkas di sini perbezaan-perbezaan dan perselisihan yang penting disertai dengan hujah-hujah dan alasan setiap mazhab dalam usaha untuk memudahkan pencarian ini. Persoalan-persoalan utama tersebut adalah seperti berikut:

1. Adakah menjadi tanggungjawab Allah memilih pengganti nabi atau adakah ia menjadi tugas manusia melantik sesiapa yang mereka suka sebagai pengganti nabi ?
2. Berhubung dengan perkara yang kedua di atas, adakah Allah atau Nabi meletakkan sebarang syarat yang tentu kepada manusia merangkumi peraturan dan cara-cara melantik Khalifah atau adakah manusia menerusi sebulat suara dan sebelum melantik *Khalifah*, menyediakan suatu sistem atau peraturan yang akan mereka taati; atau mereka bertindak menurut apa yang mereka fikirkan perlu dan sesuai pada masa itu dan menurut peluang yang baik bagi mereka ? Adakah mereka berhak melakukan menurut apa yang telah mereka lakukan ?
3. Adakah akal dan syariat Allah menuntut kewujudan sebarang sifat-sifat dan syarat-syarat seseorang *Imam* dan *Khalifah*? Kalau ada apakah dia?
4. Adakah Nabi melantik seseorang sebagai *Khalifah* dan pengganti ataupun tidak? Kalau sekiranya ada, siapakah dia? Kalau sekiranya tidak ada, kenapa?
5. Selepas kewafatan Nabi, siapakah yang dikenali sebagai *Khalifah* dan sama ada sifat-sifat yang diwajibkan kepada seseorang *Khalifah* itu wujud pada dirinya ataupun tidak ?

(3) FAKTOR UTAMA PERBEZAAN

Masa akan dapat dijimatkan sekiranya saya menerangkan dari mula lagi, faktor utama perbezaan yang membabitkan keadaan dan ciri-ciri *al-Imamah* dan *al-Khilafah*.

Apakah ciri-ciri utama *al-Imamah*? Adakah *Imam* sebagai perkara yang paling mendasar sekali ialah seorang pemerintah kerajaan? Atau adakah dia, sebagai perkara yang paling asasi sekali, bertindak menjadi wakil Allah dan wakil Nabi?

Oleh kerana *al-Imamah* dan *al-Khilafah* diterima sebagai pengganti Nabi (s.'a.w), persoalan di atas tidak akan dapat dijawab sehinggalah kita pertama sekali, menentukan apakah ciri-ciri utama seorang nabi. Kita mestilah menetapkan sama ada Nabi, dalam pokok persoalannya, bertindak sebagai pemerintah sebuah kerajaan atau adakah dia itu wakil Allah.

Kita dapati dalam sejarah Islam bahawa terdapat sekumpulan manusia yang menjalankan tugas nabi sebagai suatu usaha untuk mendirikan sebuah kerajaan. Mereka merupakan orang-orang yang sentiasa menunggu untuk melihat keputusan peperangan di antara orang-orang Islam dengan Quraisy di mana anda akan temui orang-orang Arab tersebut seringkali mengatakan bahawa Muhammad (s.'a.w) menyerahkannya kepada umat baginda. Andainya baginda berjaya mengalahkan mereka, tidak diragukan lagi baginda sebenarnya seorang nabi. Oleh itu, menurut mereka, kemenangan adalah kayu pengukur (kriteria) kebenaran! Andainya Muhammad (s.'a.w) kalah, baginda akan dianggap sebagai seorang pendusta.

Pendapat yang mengatakan, misi sucinya hanyalah semata-mata urusan dunia ini sering diulang-ulang oleh Abu Sufyan dan kaumnya.

Teliti sekali lagi dan anda akan dapati bahawa pada masa penaklukan Kota Makkah, Abu Sufyan berkata kepada ‘Abbas: “‘Abbas, sesungguhnya anak sepupumu telah menguasai sebuah pemerintahan!” ‘Abbas berkata: “Celaka engkau! Ini bukannya sebuah pemerintahan tetapi kenabian.”

Di sini anda dapat dengan jelas, pandangan yang bertentangan. Abu Sufyan tidak pernah mengubah pendapatnya. Apabila ‘Uthman menjadi Khalifah, Abu Sufyan datang menghadap dan menasihatinya: “ Wahai anak-anak Umayyah! Sekarang pemerintahan telah berada pada kamu semua, mainkanlah ia seperti anak-anak bermain dengan bola dan lepaskanlah ia dari seorang kepada seorang yang lain dari kalangan kaummu. Pemerintahan ini adalah suatu kenyataan, dan kita tidak tahu sama ada syurga dan neraka itu wujud ataupun tidak.”

Kemudian, dia pergi ke Uhud dan menginjak maqam Hazrat Hamzah dan berkata: “Wahai Abu Yali, lihatlah, pemerintahan yang kamu perjuangkan semasa menentang kami akhirnya kembali kepada kami.”

(Pendapat yang sama diwarisi oleh Yazid yang mengatakan: “ Banu Hasyim berusaha mendapatkan pemerintahan, sebenarnya tidak pernah wujud sebarang wahyu dari Allah.”)

Bagaimanapun, masalah yang timbul kerana lebih daripada 99% para nabi tidak mempunyai kekuasaan politik; kebanyakannya daripada mereka dizalimi dan kelihatan menjadi mangsa kekuasaan politik di zaman mereka. Kemenangan mereka bukanlah kerana mahkota dan singgahsana tetapi kesyahidan dan penderitaan. Andainya ciri-ciri utama kenabian adalah kekuasaan politik dan pemerintahan, ini bererti bahawa tidak lebih daripada 50 orang (daripada sejumlah 124 000) nabi dapat mengekalkan kedudukan mereka sebagai nabi.

Oleh itu, jelaslah bahawa ciri-ciri utama nabi bukannya kerana dia memiliki kekuasaan politik tetapi kerana dia merupakan wakil Allah.

Perwakilan itu bukanlah dikurniakan kepadanya oleh umatnya, tetapi oleh Allah sendiri.

Begitu juga, ciri-ciri utama penggantinya bukanlah kekuasaan politik, tetapi pada hakikatnya dia ialah wakil Allah; dan perwakilan itu tidak boleh sama sekali dikurniakan kepada seorang jua pun oleh umatnya, tetapi ia mestilah datang daripada Allah sendiri. Ringkasnya, andainya *Imam* itu sebagai wakil Allah, dia mestilah dipilih oleh Allah juga.

(4) SISTEM KEPEMIMPINAN ISLAM

Pada zaman tersebut, hanya sistem monarki dianggap satunya sistem kerajaan yang diketahui oleh manusia. Pada masa itu, para ulama Islam seringkali memuji-muji pemerintah dan pemerintahan dengan berkata: “*al-Sultan zill-ullah.*” Sultan merupakan bayangan Allah, seolah-olah Allah mempunyai bayangan! Kini, di zaman moden, demokrasi menjadi begitu terkenal dan ulama Sunni tidak kenal penat lelah telah memuatkan dalam beratus-ratus bahkan beribu-ribu artikel, kitab dan buku-buku kecil bahawa sistem kerajaan Islam adalah berdasarkan demokrasi. Mereka pergi lebih jauh, malahan sampai ke tahap mengakui demokrasi diasaskan oleh Islam, dengan melupakan negara kota Greece. Dalam pertengahan abad ini, sosialisme dan komunisme menguasai negara-negara maju dan sedang membangun; dan saya tidak merasa hairan mendengar ramai tokoh ulama yang berwibawa berusaha mengatakan bahawa Islam mengajar dan memulakan sosialisme. Sebahagian penduduk di Pakistan dan tempat-tempat lain telah memasukkan slogan sosialisme Islam. Apakah yang dikehendaki dengan sosialisme Islam saya sendiri tidak tahu, tetapi saya tidak terkejut andainya dalam 10 atau 20 tahun akan datang, orang-orang tersebut mula mendakwa bahawa Islam mengajar komunisme.

Semua aspek yang mengikut arus perubahan ini mendatangkan penghinaan kepada sistem kepemimpinan Islam. Beberapa ketika dahulu, dalam suatu perjumpaan umat Islam di sebuah negara Afrika, ketika Presiden negara tersebut menjadi tetamu kehormat, seorang pemimpin Islam berkata dalam syarahannya bahawa Islam mengajar supaya taati Allah, taati Rasul dan *uli-al-Amr* kamu.

Dalam ucapannya, Presiden itu (yang merupakan seorang penganut kristian katholik) mengatakan, dia menghargai dengan sesungguhnya perintah supaya mentaati Allah dan Rasul, tetapi dia tidak faham logik di sebalik perintah taat kepada *uli al-amr!* Apa akan berlaku andainya pemerintah itu seorang yang tidak adil dan kejam? Adakah Islam menggalakkan umatnya supaya mentaati mereka secara membuta tuli tanpa sebarang penentangan?

Pertanyaan yang bijak ini memerlukan jawapan yang bijak juga. Ia tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Pada hakikatnya, ia menunjukkan bahawa seorang yang mengundang kritikan, melakukannya kerana salahafsirnya terhadap ayat-ayat Qur'an.

Marilah kita lihat, apakah sistem kepemimpinan Islam. Adakah ia adalah demokrasi? Pertama sekali, marilah kita lihat apa itu demokrasi. Pengertian terbaik demokrasi telah dikemukakan oleh Abraham Lincoln, apabila dia mengatakan: demokrasi ialah “kerajaan rakyat, oleh rakyat, untuk rakyat.”

Walau bagaimanapun, dalam Islam, ia bukanlah kerajaan rakyat, tetapi ia adalah kerajaan Allah. Bagaimana manusia (rakyat) memerintahkan diri mereka sendiri? Mereka memerintah diri mereka dengan membuat undang-undang mereka sendiri; dalam Islam undang-undang (hukum) dibuat bukan oleh manusia (rakyat) tetapi oleh Allah. Undang-undang tersebut diisyiharkan bukannya dengan persetujuan dan keputusan orang ramai, tetapi oleh nabi, atas perintah Allah. Rakyat tidak berhak bersuara dalam bidang perundangan; mereka hanya diminta supaya mematuhi, bukannya mengemukakan sebarang buah fikiran atau cadangan tentang undang-undang dan hukum-hakam. Sampai kepada rangkaikata “oleh rakyat,” marilah kita lihat bagaimana rakyat memerintah diri mereka. Mereka melakukan perkara itu dengan memilih pemerintah-pemerintah mereka sendiri. Rasulullah (s.a.w) yang merupakan pemerintah, hakim dan mempunyai kekuasaan yang tertinggi dan menyeluruh dalam kerajaan Islam, bukanlah dipilih oleh rakyat.

Sebenarnya, seandainya penduduk-penduduk Kota Makkah diberikan kebebasan memilih, tentulah mereka akan memilih sama ada 'Urwah bin Mas'ud atau al-Walid bin Mughirah sebagai Rasulullah!¹ Oleh itu bukan sahaja pemerintah tertinggi Negara Islam dilantik bukan dengan budi bicara rakyat, tetapi pada hakikatnya, ia bertentangan dengan cita-cita mereka sendiri. Rasulullah merupakan Pemerintah dan Penguasa paling berkuasa dalam Islam: baginda merangkumkan dalam dirinya semua fungsi perundangan, pemerintahan dan kehakiman kerajaan dan baginda tidak dipilih oleh rakyat.

¹ Lihat al-Qur'an, surah al-Zukhruf (43): 30.

Oleh yang demikian, Islam bukanlah kerajaan rakyat atau oleh rakyat. Tidak terdapat bidang perundangan dibuat oleh rakyat; manakala pemerintahan dan kehakiman tidak dipertanggungjawabkan kepada rakyat.

Sehubungan dengan itu juga, tidak ada apa yang dikatakan “kerajaan untuk rakyat” Sistem Islam wajib dari mula hingga ke akhirnya “untuk Allah.” Semua perkara mestilah dilakukan “kerana Allah.” Sekiranya ia dilakukan “untuk rakyat.” hal tersebut diistilahkan dalam Islam sebagai syirik. Apa sahaja yang anda lakukan - sama ada ia merupakan sembahyang, kebajikan, khidmat kemasyarakatan atau tugas-tugas keluarga, ketaatan kepada ibu bapa atau kecintaan kepada jiran tetangga, menjadi imam sembahyang atau memutuskan sesuatu hukum, berjihad atau berdamai - wajiblah dengan niat *Qurbatan ila Allah* - iaitu mendekatkan diri kepada Allah, untuk mendapatkan rahmat Allah. Di dalam Islam, segala sesuatu adalah untuk Allah.

Secara ringkas, bentuk kerajaan Islam ialah kerajaan Allah, oleh perwakilan Allah untuk memenuhi kehendak Allah.

“*wa ma khalaq-tu al-jinna wa al-insa illa li-ya ‘budun.*”

(Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepada-Ku).

Inilah yang dikatakan Teokrasi, dan itulah ciri-ciri dan sifat semulajadi kepemimpinan Islam, dan bagaimana ia memberi kesan kepada pengertian mengenai ayat yang disebutkan di atas berhubung dengan “ketaatan” akan dapat dilihat dalam bab-bab berikutnya.

BAHAGIAN KEDUA

SUDUT PANDANGAN SYI‘AH

(5) ‘ISMAH DAN SIFAT-SIFAT UTAMA YANG LAIN

(a) Keutamaan

Syi‘ah percaya bahawa seperti *Nabi* juga, *Imam* hendaklah mengatasi semua umat manusia dalam semua aspek seperti keilmuan, keberanian, ketabahan, kemurahan dan lain-lain. *Imam* juga hendaklah memiliki pengetahuan yang menyeluruh tentang perundangan Allah. Kalauolah bukan demikian, dan jawatan tertinggi ini diberikan kepada orang yang kurang utama apabila ada orang yang lebih utama, orang yang hina didahulukan daripada orang yang mulia, yang ternyata salah dari sudut akal dan bertentangan sama sekali dengan keadilan Allah. Oleh itu, tidak ada orang yang lebih hina boleh mendapat tugas kepemimpinan atau *Imamah* daripada Allah apabila ada orang yang lebih mulia daripadanya.

(b) *Ma‘sum*

Sifat kedua ialah ‘*Ismah* atau terpelihara dari dosa. Andainya *Imam* tidak *ma‘sum* tentulah dia boleh berbuat salah dan juga berdusta.

Pertama, dalam hal ini tidak ada keyakinan yang kuat dapat dipertaruhkan kepada apa yang diberitahu dan ditetapkan olehnya kepada kita.

Kedua, seorang *Imam* ialah pemerintah dan ketua umat manusia dan umat manusia hendaklah mematuhi tanpa perasaan berbelah-bahagi dalam setiap perkara. Sekarang, seandainya dia melakukan dosa, umat manusia turut dikehendaki mematuhi dalam perkara dosa juga. Kedudukan yang tidak dapat dipertahankan ini dengan sendirinya menjadi bukti, kerana ketaatan dalam perkara dosa adalah haram dan dilarang. Lebih-lebih lagi, ia memberi implikasi bahawa *Imam* haruslah ditaati dan tidak harus ditaati dalam perkara yang sama. Ini bermaksud ketaatan kepadanya mengandungi hukum wajib dan haram secara serentak, dan ia ternyata mustahil boleh berlaku.

Ketiga, seandainya boleh berlaku seorang *Imam* melakukan dosa, sudah menjadi tugas orang lain menegahnya daripada melakukan perbuatan tersebut (kerana wajib atas setiap orang Islam menegah orang lain daripada perbuatan yang haram). Dalam hal ini, *Imam* akan berada dalam keadaan yang hina, maruahnya akan tercemar kerana di

samping menjadi pemimpin umat manusia, dia juga menjadi pengikut mereka. Tentulah *Imamahnya* tidak mengandungi erti apa-apa.

Keempat, *Imam* merupakan pemelihara hukum Allah dan tugas ini tidak boleh diamanahkan kepada orang yang tidak *ma'sum* atau orang lain yang tidak mungkin dapat memeliharanya dengan baik.

Berdasarkan hujah tersebut, kemaksuman telah diakui sebagai syarat yang wajib dalam tugas kenabian, dan pertimbangan-pertimbangan yang menjadikannya penting dalam aspek-aspek yang berhubung dengan kenabian, juga menjadikannya penting dalam aspek-aspek berhubung dengan *khalifah*.

(c) **Mu'jizat**

Sifat ketiga ialah *Imam* hendaklah boleh mengadakan *mu'jizat*, kerana ia menjadi bukti yang paling jelas membolehkannya menceritakan kebenaran dakwaannya.

Secara umumnya, sesiapa sahaja boleh mendakwa dia ialah *Imam* atau *Khalifah* Nabi dan *ma'sum*, dan *mu'jizat* adalah satu-satunya ujian tentang kebenaran atau kepalsuan yang dapat memastikannya dalam sesuatu kejadian. Seandainya orang yang mengaku itu juga memperlihatkan beberapa *mu'jizat* dalam mendokong dakwaannya, ia hendaklah diterima tanpa sebarang keraguan. Seandainya dia gagal melakukannya, terbuktilah bahawa dia tidak memiliki sifat-sifat yang diperlukan sebagai *Imam* dan *Khalifah*. Oleh itu, dakwaannya boleh dianggap palsu.

(6) PEMILIHAN OLEH ALLAH

Walau bagaimanapun, seperti dalam peristiwa nabi-nabi, semua sifat yang dinyatakan di atas tidak memadai untuk secara langsung menjadikan seseorang sebagai *Imam*. *Imamah* bukanlah tugas yang boleh dipohon, kerana ia adalah atas pemilihan yang dianugerahkan oleh Allah.

Berdasarkan hujah ini, Syi‘ah Imamiyyah Ithna-‘Asyariah percaya bahawa hanya Allah sahaja yang boleh memilih pengganti Nabi sedangkan umat manusia tidak mempunyai pilihan dalam perkara tersebut. Tugas mereka hanyalah semata-mata mentaati *Imam* atau *Khalifah* yang ditentukan oleh Allah. Sunni, sebaliknya percaya bahawa tugas memilih *Khalifah* adalah menjadi tanggungjawab umat manusia.

(a) Ayat-ayat al-Qur’ān:

Ayat-ayat al-Qur’ān berikut mengesahkan pendapat yang dipegang oleh Syi‘ah.

(1) Ayat al-Qur’ān berikut menyebutkan:

“ Dan Tuhanmu menciptakan apa yang Dia kehendaki dan memilih-Nya. Sekali-kali tidak ada pilihan bagi mereka.”²

Jelas terbukti, bahawa manusia tidak berhak membuat pilihan, ia secara keseluruhannya terletak dalam kekuasaan Allah.

(2) Sebelum menjadikan Nabi Adam ('a.s), Allah (s.w.t) berfirman kepada para malaikat:

“ Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang Khalifah di muka bumi.”³

Apabila para malaikat membantah dalam ruang lingkup itu terhadap anjuran itu, bantahan mereka diketepikan dengan jawapan yang ringkas: “ Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.”

Sekiranya para malaikat yang *ma’sumun* (terpelihara dari dosa) tidak diberi peluang untuk berkata sesuatu dalam pemilihan *Khalifah*, bagaimana pula manusia yang tidak *ma’sum* diharap dapat memperolehi kekuasaan penuh dalam pemilihan tersebut ?

² Al-Qur’ān, surah al-Qasas (28): 68.

³ Al-Qur’ān, surah al-Baqarah (2): 30.

(3) Allah s.w.t sendiri memilih Nabi Dawud ('a.s) sebagai *Khalifah* di muka bumi:

“ Hai Daud, sesungguhnya Kami menjadikan kamu *Khalifah* (penguasa) di muka bumi.”⁴

Lihatlah, di mana sahaja Allah menyifatkan pemilihan *Khalifah* atau *Imam*, ia hanya dikhkususkan bagi diri-Nya sahaja.

(4) Demikian juga, seruan kepada Nabi Ibrahim ('a.s):

“ Sesungguhnya Aku akan menjadikanmu Imam bagi seluruh manusia.”⁵

(5) Kemudian, sebagai suatu peraturan umum, dijelaskan:

“ Kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami dan telah Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan hanya kepada Kami-lah mereka selalu menyembah.”⁶

(6) Apabila Nabi Musa ('a.s) menghendaki penolong untuk membantunya dalam tugas-tugasnya, baginda tidak melantik seseorang dengan kekuasaannya. Baginda bermohon kepada Allah:

“ dan jadikanlah untukku seorang pembantu daripada keluargaku, iaitu Harun, saudaraku.”⁷ Lantas Allah berfirman: “ Sesungguhnya telah diperkenankan permintaanmu, hai Musa.”⁸

⁴ Al-Qur'an, surah Sad (38): 26.

⁵ Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 124.

⁶ Al-Qur'an, surah al-Anbiya' (21): 73.

⁷ Al-Qur'an, surah Taha (20): 30.

⁸ Al-Qur'an, surah Taha (20): 36.

(b) KETERDAHULUAN

- (1) Amalan biasa para nabi terdahulu memilih (atas perintah Allah) penggantinya tanpa sebarang campur tangan daripada umatnya.

Sejarah para nabi terdahulu tidak memberikan sebarang contoh di mana pengganti nabi dipilih dengan pengundian pengikut-pengikutnya. Tidak ada hujah, kenapa dalam perkara pengganti-pengganti nabi yang terakhir, hukum Allah yang telah thabit harus mengalami perubahan. Allah (s.w.t) telah berfirman:

“ Sebagai sunnah Allah yang berlaku atas orang-orang yang telah terdahulu sebelum(mu) dan kamu sekali-kali tiada akan mendapatkan perubahan pada sunnah Allah.”⁹

(c) Hujah Akal

- (1) Hujah-hujah yang sama yang membuktikan pemilihan Nabi adalah tugas Allah menunjukkan dalam kedudukan yang sama bahawa pengganti harus dipilih oleh Allah. Imam atau Khalifah seperti Nabi dipilih untuk menjalankan tugas-tugas Allah, dia mestilah bertanggungjawab terhadap Allah. Sekiranya dia dipilih oleh manusia, taat setia yang pertama sekali bukanlah kepada Allah, tetapi kepada manusia yang menjadi “ asas dalam kekuasaannya.” Dia sentiasa akan cuba memenuhi kehendak manusia kerana sekiranya manusia menarik balik kepercayaan mereka terhadapnya, dia akan kehilangan tanggungjawab (kekuasaan) itu. Oleh itu, dia tidak akan menjalankan perintah agama tanpa takut dan senang hati. Pandangannya akan sentiasa ditumpukan kepada pertimbangan-pertimbangan politik dan dengan demikian tugas-tugas Allah akan diabaikan.

⁹ Al-Qur'an, surah al-Ahzab (33): 62.

Sejarah Islam mengemukakan begitu banyak bukti, pengabaian terhadap perintah-perintah agama yang diamalkan oleh Khalifah yang dipilih oleh manusia bermula dari awalnya lagi. Oleh itu, hujah ini bukan sahaja bersifat akademik, bahkan ia mempunyai bukti-bukti sejarah yang cukup kuat di sebaliknya.

(2) Hanya Allah yang mengetahui perasaan hati dan pemikiran seseorang, tidak ada orang lain yang dapat menyelami keadaan sebenar saudaranya. Boleh jadi seseorang itu menunjukkan dirinya sebagai seorang yang kuat beribadat dan bertaqwah hanyalah untuk menyakinkan sahabatnya sahaja dan dengan demikian dia boleh mendapatkan sesuatu keuntungan duniawi.

Contoh seumpama ini bukannya jarang-jarang ditemui dalam sejarah. Sebagai contoh, peristiwa ‘Abd al-Malik bin Marwan yang menghabiskan sebahagian besar masanya di masjid, bersembahyang dan membaca al-Qur’ān. Ketika dia sedang membaca al-Qur’ān, berita sampai kepadanya mengenai kematian bapanya dan orang ramai sedang menunggu untuk memberikan bai’ah (taat setia) kepadanya, lalu dia menutup al-Qur’ān dan berkata: “Inilah perpisahan di antara aku dan engkau (al-Qur’ān).”

Oleh itu, kewujudan sifat-sifat yang penting bagi seseorang *Imam* atau *Khalifah* sesungguhnya hanya diketahui oleh Allah dan kerana itu, hanya Allah sahaja boleh memilih seseorang *Imam* atau *Khalifah*.

(7) KEMAKSUMAN PARA IMAM

Sekarang, marilah kita lihat apa yang al-Qur’ān ceritakan mengenai *Ahl al-Bait* (ahli keluarga) Rasulullah (s.’a.w).

Menurut al-Qur’ān, orang-orang yang berikut ini adalah *ma’sum* (terpelihara dari dosa) pada masa kewafatan Nabi (s.’a.w). Mereka ialah ‘Ali, Fatimah, Hasan dan Husain. Ayat *al-Tathir* (penyucian) telah menyebutkan seperti berikut:

“ Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu, hai *Ahl al-Bait* dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya.”¹⁰

Umum telah mengakui bahawa keempat-empat nama yang dinyatakan di atas sebenarnya merupakan *Ahl al-Bait* (Ahli keluarga) dan mereka terpelihara dari dosa dan sebarang bentuk kekotoran.

Ayat-ayat sebelum dan selepas ayat tersebut adalah ditujukan kepada para isteri Nabi dan gantinamanya adalah dalam jenis perempuan (*mu'annath*) tetapi gantinama dalam ayat ini (*al-Tathir*) adalah dari jenis lelaki. Alasan kenapa ayat ini diletakkan di tempat tersebut mudah untuk diagak.

Agha Poya mengatakan:¹¹ “ Bahagian ayat ini yang berhubungan dengan *Ahl al-Bait* yang disucikan Allah memerlukan penjelasan yang sewajarnya dengan merujuk kepada konteks ayat yang tepat. Bahagian ayat ini adalah ayat yang berasingan dengan cara yang tersendiri, diwahyukan secara berasingan dalam peristiwa-peristiwa yang khusus tetapi diletakkan di sini kerana ia membicarakan para isteri Nabi. Kedudukan ayat ini di sini, sekiranya diteliti dengan baik menunjukkan dengan jelas bahawa ia mempunyai tujuan dan kepentingannya yang tersendiri di sebaliknya.”

Ketika (orang) yang ditujukan di permulaan ayat ini dalam jenis perempuan, terdapat perubahan di sini dalam penumpuannya dari jenis perempuan kepada jenis lelaki.

Ketika merujuk kepada para isteri Nabi (s.'a.w), gantinamanya adalah dari jenis perempuan. Bagi kumpulan yang bercampur di antara lelaki dan perempuan, umumnya jenis lelaki digunakan. Proses perubahan ini dari segi bahasa, menjadikannya begitu jelas bahawa rangkaikata ini merupakan perkara yang cukup berbeza digunakan bagi kumpulan yang berlainan daripada kumpulan yang terdahulu, dan ia ditempatkan

¹⁰ Al-Qur'an, surah al-Ahzab (33): 33.

¹¹ Dicatat dalam nota kaki no. 1857, terjemahan al-Qur'an oleh Mir Ahmad Ali.

dengan begitu tepat di sini untuk menunjukkan kedudukan secara perbandingan antara *Ahl al-Bait* yang berbeza dengan para isteri Nabi (s.‘a.w). Amir ibn Abi Salma yang telah dibesarkan oleh Rasulullah (s.‘a.w) menceritakan:

“ Apabila ayat ini diwahyukan, Rasulullah berada di rumah Umm Salamah. Dalam wahyu: “ Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu, hai *Ahl al-Bait*, dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya,” Rasulullah (s.‘a.w) mengumpulkan anak perempuan baginda, Fatimah, anak-anak (Fatimah) iaitu Hasan dan Husain serta suaminya, sepupu baginda iaitu ‘Ali dan menyelubungi mereka termasuk diri baginda dengan kain selimut baginda (*al-Kisa’*) sendiri sambil bermohon kepada Allah: “ Ya Allah, mereka inilah keturunanku! Jauhilah segala dosa dan sucikanlah mereka dengan sesuci-sucinya.” Umm Salamah, isteri Nabi yang mulia, menyaksikan peristiwa yang sungguh menakjubkan itu, dengan perasaan rendah diri bermohon kepada Rasulullah (s.‘a.w): “ Ya Rasulullah, bolehkan aku turut bersama-sama dalam kumpulan ini?” Dijawab oleh Rasulullah: “ Tidak, tetaplah engkau pada tempat tempatmu, sesungguhnya engkau berada dalam kebaikan.”

Ini bukanlah tempat untuk mengemukakan bahan-bahan rujukan yang tidak terkira banyaknya berhubung dengan ayat tersebut. Bagaimanapun sukalah saya memetik kata-kata Maulana Wahid al-Zaman, seorang ulama Sunni yang terkemuka, yang memiliki terjemahan dan syarah al-Qur'an, begitu juga kitabnya, *Anwar al-Lughah* yang menjadi kamus al-Qur'an dan hadith merupakan di antara kitab-kitab rujukan yang diajui. Beliau menulis dalam tafsiran al-Qur'annya tentang ayat tersebut: “ Sesetengah orang berfikir bahawa ia hanya khusus kepada ahli-ahli keluarga yang mempunyai pertalian darah dengan Nabi (s.‘a.w) iaitu ‘Ali, Fatimah, Hasan dan Husain. Penterjemah (sendiri) mengatakan hadith-hadith yang sahih dan diriwayatkan terus kepada Rasulullah (s.‘a.w) (*marfu'*) menyokong pendapat yang sama, kerana apabila Nabi sendiri telah mengumumkan bahawa “ Ahli keluargaku hanyalah mereka sahaja, justeru itu menerima mereka dan mempercayai perkara tersebut adalah wajib.”

Satu lagi bukti yang jelas mengenai kesahihan pendapat tersebut berdasarkan kepada gantinama yang digunakan sebelum dan selepas ayat tersebut adalah untuk jenis perempuan, sedangkan dalam ayat ini untuk jenis lelaki.¹²

Sekali lagi beliau dalam kamus al-Qur'an dan hadith (*Anwar al-Lughah*, para 22, hlm. 51) menyatakan: " Pendapat yang sahih menyebutkan dalam ayat Tathir (penyucian) hanya lima (5) orang sahaja yang dimasukkan (iaitu Nabi, Ali, Fatimah, Hasan dan Husain), walaupun dalam penggunaan bahasa Arab, perkataan *Ahl al-Bait* boleh juga digunakan kepada para isteri. Setengah orang, menerusi ayat tersebut membuktikan bahawa kelima-lima orang yang disebutkan adalah suci dan *ma'sum* (terpelihara dari dosa), tetapi sekiranya mereka tidak *ma'sum*, tentu sekali mereka *mahfuz* (dipelihara dari terlibat dalam sebarang dosa dan salah)."

Saya telah memetik dua sumber rujukan tersebut. (Walaupun saya tidak semuanya bersetuju dengan beliau dalam sebahagian keterangannya); hanya untuk menunjukkan bahawa bukan semata-mata golongan Imamiyyah Ithna 'Asyariah tetapi tokoh-tokoh ulama Sunni turut sama mengakui berdasarkan hukum tatabahasa Arab dan berdasarkan kepada hadith Rasulullah yang tidak terputus sanadnya, hanya 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain termasuk di dalam golongan itu, di samping Nabi (s.'a.w) sendiri. Demikian juga, ia jelas menunjukkan dakwaan kami mengenai mereka terdiri daripada para *ma'sumun*, turut dikongsi bersama oleh tokoh-tokoh ulama Sunni juga. Ia seolah-olah menunjukkan sekurang-kurangnya mereka mengakui kalaupun tidak *ma'sum* (secara teorinya), namun mereka dipelihara daripada dosa dan salah (secara praktik).

Terdapat banyak lagi ayat dan hadith lain membuktikan '*Ismah Ahl al-Bait*', tetapi keterbatasan ruang dalam halaman-halaman ini tidak mengizinkan saya menyebutkannya biarpun secara ringkas.

¹²Lihat: *Tafsir al-Wahidi*, (bahagian tepi terjemahan al-Qur'an, oleh pengarang yang sama, dicetak di Percetakan Gelani, Lahore, para 22, hlm. 549, nota kaki No.7).

(8) KEUTAMAAN ‘ALI (‘A.S)

Afdaliyyat (keutamaan/kemuliaan) dalam Islam bermaksud orang yang layak memperolehi ganjaran pahala daripada Allah kerana amalan-amalan baik.

Umat Islam bersepakat *afdaliyyat* (keutamaan) ini tidak boleh diputuskan oleh pendapat atau pandangan kami sendiri dan tidak ada jalan lain untuk mengetahuinya kecuali menerusi al-Qur'an dan/atau hadith. Imam al-Ghazali (ulama Sunni yang masyhur) telah menceritakan bahawa: “Hakikat *afdaliyyat* (keutamaan) ada pada Allah; dan ia adalah suatu perkara yang tidak diketahui kecuali kepada Nabi (s.‘a.w).”

Kebanyakan saudara Sunni kami percaya *afdaliyyat* (keutamaan) adalah berdasarkan kepada turutan *Khilafah* iaitu Abu Bakr yang paling utama, kemudian ‘Umar, seterusnya ‘Uthman dan disusuli dengan ‘Ali. Bagaimanapun, kepercayaan tersebut bukanlah berdasarkan kepada sebarang bukti, dan bukan juga merupakan kepercayaan semua ulama Sunni pada masa itu.

Ditinjau ke zaman Nabi (s.‘a.w), kita dapati para sahabat yang tertentu seperti Salman al-Farisi, Abu Dhar al-Ghiffari, Miqdad al-Kindi, ‘Ammar bin Yasir, Khabbab bin Arrat, Jabir bin ‘Abdullah, Hudhaifah al-Yaman, Abu Sa‘id al-Khudri, Zaid bin Arqam dan ramai lagi percaya bahawa ‘Ali (‘a.s) merupakan tokoh yang paling utama dan mulia kedudukannya dari kalangan Ahl al-Bait dan semua sahabat Nabi.

Ahmad ibn Hanbal pada satu ketika ditanya oleh anaknya mengenai pandangannya tentang perkara *afdaliyyat* (keutamaan) ini. Beliau berkata: “Abu Bakr, Umar dan Uthman.” Anaknya bertanya lagi: “Bagaimanakah pula dengan Ali bin Abi Talib?”. Beliau menjawab bahawa: “‘Ali bin Abi Talib daripada Ahl al-Bait. Orang-orang lain tidaklah boleh dibandingkan dengannya.”

‘Ubaidullah Amritsari menulis dalam kitabnya yang terkenal dengan mengatakan:¹³

“ Oleh kerana *afdaliyyat* (keutamaan) bermaksud “ memperolehi banyak ganjaran pahala,” buktinya dapat diketahui hanya daripada hadith-hadith Rasulullah (s.‘a.w)... dan sekiranya terdapat hadith-hadith yang berlawanan, hadith yang lebih baik hendaklah diterima manakala hadith-hadith yang kuat hendaklah dipisahkan daripada yang lemah.”

“ ‘Allamah Ibn Abd al-Barr mencatatkan dalam kitabnya, *al-Isti‘ab* tentang hadith-hadith yang telah diriwayatkan mengenai *afdaliyyat* (keutamaan) Amir al-Mu’mimin ‘Ali bin Abi Talib. Ahmad bin Hanbal, Qadi Isma‘il bin Ishaq, Ahmad bin ‘Ali bin Syu‘aib al-Nasa’i dan Hafiz Abu ‘Ali Nisyapuri telah mengatakan: “ Tidak pernah sampai hadith-hadith dengan *asnadnya* (rangkaian perawi) yang sempurna mengenai kelebihan mana-mana sahabat sebanyak yang telah diriwayatkan mengenai keutamaan dan kemuliaan ‘Ali bin Abi Talib (‘a.s).”

“ Selanjutnya, sekiranya kita melihat keutamaan khusus Amir al-Mu’minin ‘Ali (‘a.s) dan berfikir tentang perkara-perkara tersebut yang menyebabkannya mendapat ganjaran kebaikan yang paling banyak daripada Allah, kita patut mengakui bahawa beliau sahajalah tokoh yang paling utama dan terkemuka sekali selepas Nabi (s.‘a.w).”¹⁴

Memang jelas saya tidaklah dapat mengemukakan di sini biarpun satu senarai ayat-ayat dan hadith-hadith mengenai *afdaliyyat* (keutamaan) ‘Ali (‘a.s). Cukuplah kalau dikatakan bahawa terdapat sebanyak lebih kurang 86 ayat al-Qur’an memuji-muji keutamaan dan kemuliaan ‘Ali bin Abi Talib (‘a.s) manakala hadith-hadith mengenainya tidaklah terkira banyaknya.

Oleh yang demikian, jelas terbukti walaupun kepada orang yang tidak begitu mengacuhkannya, bahawa ‘Ali bin Abi Talib (‘a.s)

¹³*Arjah al-Matalib*, h.112.

¹⁴ Lihat: *Arjah al-Matalib*, h.12.

sesungguhnya merupakan tokoh yang paling utama dan mulia dari sekalian umat Islam selepas Nabi (s.‘a.w).

(9) PEMILIHAN ‘ALI (‘A.S)

Selepas memberikan serba sedikit tentang *Ismah* dan *afdaliyyat* ‘Ali bin Abi Talib (‘a.s), kini sampailah pula kepada persoalan yang terpenting mengenai pemilihannya oleh Allah.

Dalam beberapa peristiwa, Nabi (s.‘a.w) telah memaklumkan bahawa ‘Ali (‘a.s) ialah bakal pengganti dan Khalifah.

Anda akan menemui bahawa pengumuman nubuwwah (kenabian) secara terbuka yang pertama sekali adalah peristiwa yang ulung apabila pengumuman secara terbuka tentang Khilafah ‘Ali (‘a.s) dilakukan.

Nabi, dalam peristiwa tersebut telah mengumumkan: “‘Ali merupakan saudaraku, wasiku (pengganti) dan Khalifahku di kalangan kamu.”

Cukup menarik untuk diperhatikan di sini bahawa dalam *Tarikh al-Tabari*,¹⁵ mencatatkan sabda Rasulullah: “*Wasi wa Khalifa-ti*” (pengantiku dan Khalifahku); tetapi dalam edisi Mesir 1939M, (yang didakwa telah disemak dengan edisi Leiden), perkataan-perkataan yang penting telah diubah kepada “*kadha wa kadha*” (ini dan itu). Sungguh menyedihkan apabila melihat dunia akademik telah mengorbankan kejujurannya untuk memenuhi tuntutan politik.

(10) AYAT AL-WILAYAH (PERWALIAN)

Kemudian, dalam banyak peristiwa, terdapat banyak sekali ayat dan hadith memperingatkan umat Islam bahawa Ali ialah ketua dan pemimpin mereka selepas Nabi (s.‘a.w). Salah satu ayat yang terpenting adalah seperti berikut:

¹⁵ *Tarikh al-Tabari*, edisi Leiden, Jerman, 1879M, h.1173.

“ Sesungguhnya *waliyyu-kum* (penolong kamu) hanyalah Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman, yang mendirikan salat (sembahyang) dan menunaikan zakat, seraya mereka tunduk (raki‘un) (kepada Allah).”¹⁶

Para ulama Islam (sama ada Sunni mahupun Syi‘ah) bersepakat bahawa ayat di atas diwahyukan untuk memuji ‘Ali ('a.s). Ia jelas menunjukkan bahawa hanya terdapat tiga (3) wali sahaja bagi orang yang beriman.

Pertama: Allah.

Kedua: Rasulullah.

Ketiga: ‘Ali (dengan diikuti sebelas (11) orang Imam secara silih berganti).

Abu Dhar al-Ghiffari berkata bahawa pada suatu hari dia sedang bersembahyang bersama-sama Nabi, apabila datang seorang peminta sedekah ke masjid Nabi dan meminta sedekah. Tiada seorang pun yang memberikannya sesuatu. Peminta sedekah itu menadah tangannya ke langit dan berkata: "Allah menjadi saksi bahawa aku telah mengunjungi masjid Nabi-Mu, tetapi tiada seorang pun memberikanku sesuatu." Waktu itu, Ali sedang tunduk ruku'. Beliau kemudiannya menuding jari kelingkingnya yang terdapat sebentuk cincin ke arah peminta peminta sedekah yang menuju ke hadapan dan mengambil cincin tersebut.

Kejadian itu berlaku sewaktu kehadiran Nabi (s.a.w) lalu baginda mengangkat mukanya ke arah langit dan berdoa seperti perintah Allah (s.w.t).

“ Ya Allah! Saudaraku Musa telah bermohon kepada-Mu agar Engkau melapangkan dadanya, memudahkan urusannya, melancarkan lidahkan supaya umat manusia dapat memahaminya, melantik saudaranya daripada kalangan kerabatnya sebagai wazir dan memperkuatkannya dengan Harun serta menjadikan Harun, pembantu dalam tugasnya. Ya Allah! Engkau berkata kepada Musa: “ Kami akan memperkuatkanmu

¹⁶ Al-Qur'an, surah al-Ma''idah (5): 55.

dengan saudaramu. Tidak ada orang yang dapat mencampuri urusan-Mu. Ya Allah! Akulah Muhammad dan Engkau memberikan kemuliaan kepadaku. Lapangkanlah dadaku, mudahkanlah urusanku, lantiklah saudaraku Ali sebagai wazir daripada keluargaku. Perkuatkanlah aku dengannya! Ketika Nabi belum pun selesai menghabiskan doa baginda, lalu Jibril turun membawa ayat yang telah disebutkan di atas tadi.”

Ini bukanlah tempat untuk memberikan sumber-sumber rujukan hadith ini (kerana jumlahnya terlalu besar). Ayat ini dan doa Nabi secara serentak atau berasingan menunjukkan bahawa ‘Ali (‘a.s) telah dimaklumkan menjadi *mawla* umat Islam selepas Nabi (s.‘a.w).

(11) PENGUMUMAN FORMAL: GHADIR KHUM

Kesemua pengumuman terdahulu bolehlah diklasifikasikan sebagai permulaan kepada pengumuman formal Ghadir Khum.

Peristiwa ini telah sepakat disebutkan oleh tokoh-tokoh sejarah dan ulama daripada kedua-dua mazhab.

Di sini kami kemukakan secara ringkas untuk menunjukkan betapa besarnya penyusunan dibuat untuk mengumumkan ‘Ali (‘a.s) sebagai pengganti Nabi (s.‘a.w).

Ghadir Khum terletak di antara Makkah dan Madinah. Semasa dalam perjalanan pulang, selepas menunaikan ibadat haji baginda yang terakhir, Jibril (‘a.s) telah membawa turun perintah Allah yang amat penting kepada Nabi (s.‘a.w):

“Hai Rasul! Sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Dan jika tidak kamu kerjakan (apa yang diperintahkan itu, bererti) kamu tidak menyampaikan amanat-Nya. Allah memelihara kamu dari (gangguan) manusia.”¹⁷

¹⁷Al-Qur'an, surah al-Ma''idah (5): 67.

Nabi (s.'a.w) terus berdiri dan memerintah agar semua orang berkumpul. Mereka yang telah berlepas pulang dipanggil balik. Mimbar didirikan dengan menyusun pelana-pelana unta. Pokok-pokok berduri disapu bersih. Nabi menaiki mimbar dan menyampaikan khutbah yang panjang lebar. Matahari panas terik. Para hadirin membentangkan jubah-jubah mereka dan bersedia menunggu perintah.

Nabi (s.'a.w) berkata kepada mereka seperti berikut:

“ Wahai manusia! Ketahuilah sesungguhnya Jibril telah turun kepadaku beberapa kali membawa perintah daripada Allah yang Maha Mengasihani bahawa aku hendaklah berhenti di suatu tempat dan memberitahu setiap orang, sama ada berkulit putih atau hitam bahawa ‘Ali bin Abi Talib ialah saudara, *wasi* (pengganti) dan Khalifahku serta Imam selepasku. Kedudukannya denganku samalah seperti kedudukan Harun dengan Musa kecuali tiada lagi nabi selepasku, dan dia ialah *mawla* (ketua atau pemimpin) selepas Allah dan Rasul-Nya.”

“ Wahai manusia! Sesungguhnya Allah telah memilihnya menjadi Imam dan pemerintahmu. Ketaatan kepadanya adalah wajib ke atas semua orang, Muhajirin dan Ansar dan orang yang mengikuti mereka dalam kebaikan, kepada penghuni-penghuni kota, golongan badwi, Arab mahupun bukan Arab, merdeka ataupun hamba, muda atau tua, besar atau kecil, berkulit putih atau hitam. Perintahnya adalah wajib ditaati. Kata-katanya adalah suatu ikatan dan perintahnya adalah wajib ke atas setiap orang yang percaya kepada keesaan Allah. Laknat ditimpakan ke atas orang yang mengingkarinya, dan rahmah ke atas orang yang mengikutinya dan sesiapa sahaja yang percaya kepadanya, merupakan orang yang benar-benar beriman.”

“ Wahai manusia! Inilah kali terakhir aku berdiri dalam perhimpunan ini. Oleh itu, dengar dan taat serta patuhlah kepada perintah Tuhanmu. Sesungguhnya, Allahlah Tuhanmu, selepas itu Nabi Muhammad yang berkhutbah kepadamu pemimpinmu, disusuli selepasku oleh ‘Ali sebagai pemimpin dan *Imammu*, berdasarkan perintah Allah.”

“ Kemudian selepasnya, *Imamah* akan berterusan kepada keturunanku, dilahirkan daripadanya ('Ali) sehingga ke hari kamu semua menemui Allah dan Rasul-Nya.”

“ Wahai manusia! telitilah al-Qur'an dan fahamilah ayat-ayatnya, lihatlah kepada ayat-ayat yang terang (*muhkamah*) dan elakkanlah daripada ayat-ayat yang meragukan (*mutasyabihat*). Demi Allah! tidak ada seorang jua pun yang boleh mentafsirkannya (al-Qur'an) kepadamu mengenai peringatan atau ancamannya dan menghuraikan pengertian-pengertiannya kepadamu melainkan orang ini ('Ali) yang tangannya aku pegang dan orang yang aku angkatnya kepada diriku dengan kekuatannya. Aku berkata kepadamu bahawa 'Ali ialah *mawla* (ketua) kepada semua orang yang menerima kepadaku sebagai *mawlanya* (ketua) dan dia adalah 'Ali ibn Abi Talib, saudaraku dan *wasiku*, dan kecintaan serta ketaatan kepadanya diwajibkan oleh Allah yang Maha Berkuasa lagi Maha Agong.

Para *Imam* yang lain juga turut diterangkan dengan secara ringkas dalam khutbah ini dan mereka disebutkan dengan huraian yang lebih panjang dalam hadith lain yang jumlahnya begitu banyak sekali. Sebagai contoh: dalam suatu peristiwa, Nabi (s.'a.w) bersabda yang ditujukan kepada Imam Husain ('a.s):

“ Engkau ialah Imam, anak Imam, saudara kepada Imam, sembilan (9) orang daripada keturunannya bakal menjadi Imam yang taqwa, Imam yang ke sembilan (9) ialah al-Qa'im.”

Malah seorang pemerhati yang tidak begitu mengacuhkan dengan mudah mengetahui bahawa ia merupakan suatu perkara yang amat penting kepada Islam dan dengan berlandaskan perintah Allah yang sangat penting, Nabi (s.'a.w) telah menyiapkan segala persediaan yang diperlukan untuk menyempurnakannya. Terdedah kepada pancaran terik sinaran matahari di tengahari, baginda menaiki mimbar untuk membuat suatu pengumuman penting. Pertama sekali, baginda memberitahu para hadirin tentang saatnya yang kian hampir dan kemudian meminta mereka bersaksi bahawa baginda telah melakukan tugasnya dengan penuh amanah. Seterusnya, baginda menanyakan mereka: “

Beritahukanlah kepadaku, bukankah aku lebih berhak ke atas diri kamu semua melebihi daripada dirimu sendiri. Mereka semua melaungkan, “memang benar” baginda lebih berhak mengatur urusan hidup mereka. Kemudian Nabi bersabda:

“ Ketahuilah dan ingatilah bahawa sesiapa sahaja yang menjadikan aku sebagai ketua dan pemimpinnya (*mawla*), maka ini ‘Ali juga ketua dan pemimpinnya (*mawla*).”

Di akhirnya, baginda (s.’a.w) memohon limpah rahmat ke atas ‘Ali (‘a.s) dengan berkata:

“ Ya Allah, tolonglah orang yang menolong ‘Ali dan musuhilah orang yang memusuhi ‘Ali; bantulah orang yang membantu ‘Ali dan singkirkanlah orang yang menyengkirkan ‘Ali.”

Apabila upacara itu selesai, ayat al-Qur’ān berikut lalu diwahyukan:

“ Pada hari ini, Aku lengkapkan bagimu agamamu, dan Aku sempurnakan ke atas kamu ni’mat-Ku dan Aku reda bagimu, Islam sebagai agama.”¹⁸

Firman Allah ini memperlihatkan dengan terang bahawa dengan pemilihan ‘Ali (‘a.s) terhadap tugas Imamah, maka agama (*al-Din*) telah disempurnakan dan Islam telah direentai oleh Allah. Kehadiran wahyu yang menggembirakan dari syurga itu, mendorong umat manusia yang beriman mengucapkan tahniah kepada ‘Ali (‘a.s) di hadapan Rasulullah (s.’a.w), manakala para penyair mengarang syair-syair mereka. Kesemua fakta itu tercatat dalam kitab-kitab sejarah.

(12) HADITH GHADIR ADALAH MUTAWATIR

Saya telah mengemukakan dua petikan berikut (diambil daripada kitab-kitab Sunni yang sahih) daripada khutbah Nabi (s.a.w):

¹⁸Al-Qur’ān, surah al-Ma’idah (5): 3.

“ Aku tinggalkan kepadamu dua perkara yang sangat berharga (*al-Thaqalain*) ...1) Kitab Allah (al-Qur'an;...dan 2) Kerabatku iaitu Ahl al-Baitku. Kedua-duanya tidak akan berpisah sehingga mereka bersama-sama mengunjungiku di telaga Kauthar (pada hari Qiyamat)). Sesungguhnya, Allah mawlaku dan aku mawla orang-orang yang beriman. (Kemudian, baginda mengangkat tangan ‘Ali dan berkata:) “ Barang siapa menjadikan aku *mawlanya*, ‘Ali ialah *mawlanya* juga.”

Kedua-dua hadith tersebut dikenali sebagai hadith *al-Thaqalain* dan hadith *al-Wilayah*. Kedua-duanya diriwayatkan secara bersama-sama atau berasingan oleh beratus-ratus orang ulama hadith. Nawwab Siddiqui Hasan Khan dari Bhopal berkata:

“ Hakim Abu Said menyatakan bahawa hadith-hadith *al-Thaqalain* dan *al-Wilayah* adalah *mutawatir* (iaitu diriwayatkan oleh bilangan perawi yang banyak sehingga tidak timbul sebarang keraguan mengenai kesahihannya) kerana ramai sahabat Nabi meriwayatkannya malahan Muhammad bin Jarir mencatatkan kedua-dua hadith itu menerusi 75 riwayat (*asnad*) yang berbeza-beza.”¹⁹

Sesetengah penulis cuba menimbulkan keraguan mengenai kesahihan peristiwa al-Ghadir. Patut rasanya disebutkan bahawa hadith ini adalah mutawatir dan Almarhum Agha Amini dalam kitabnya yang termasyhur, *Al-Ghadir* (11 jilid) telah mengemukakan kesemua rujukan tentang nama-nama 110 orang sahabat Nabi yang terkemuka, yang telah meriwayatkan hadith tersebut. Sebagai contohnya, saya menyebutkan nama-nama yang diberi di bawah huruf *alif* (Tahun wafat diberikan dalam kurungan):-

1. Abu Laila Ansari (37 H),
2. Abu Zainab bin Awf Ansari,
3. Abu Fudhala Ansari (38 H),
4. Abu Qudamah Ansari,
5. Abu Umra bin Amr bin Muhassan Ansari,

¹⁹*Manhaj al-Wusul*, h.13.

6. Abu al-Haitham bin al-Taihan (37 H),
7. Abu Rafa'i Qibti, hamba Nabi,
8. Abu Dhuwaib Khuwailad (atau Khalid) bin Khalid al-Hadhli,
9. Usamah bin Zaid bin Harithah (54 H),
10. Ubay bin Ka'b Ansari (30 atau 32 H),
11. As'as bin Zurarah Ansari,
12. Asma' binti Umais,
13. Ummu Salamah, isteri Nabi,
14. Ummu Hani binti Abi Talib,
15. Abu Hamzah Anas bin Malik Ansari,
16. Abu Bakr bin Abi Quhafah, dan juga
17. Abu Hurairah.

Terdapat lebih kurang 84 orang *Tabi'in* (para pengikut sahabat) yang meriwayatkan hadith ini daripada sahabat-sahabat yang disebutkan di atas.

Sekali lagi, senarai di bawah huruf *alif* dikemukakan di sini sebagai contoh:-

1. Abu Rasyid Hibrani Syami,
2. Abu Salma bin Abd al-Rahman bin Awf,
3. Abu Salman Muadhdhin,
4. Abu Saleh Samman Dhakwan Madani,
5. Abu Unfowana Mazini,
6. Abu Abd al-Rahim Kindi,
7. Abu al-Qasm Asbagh bin Nubata,
8. Abu Laila Kindi,
9. Ayas bin Nudhair.

Ahli-ahli hadith telah meriwayatkan hadith ini dalam kitab-kitab mereka pada setiap abad dan zaman. Contohnya, saya kemukakan senarai nama penulis dan ulama tersebut yang telah meriwayatkan hadith ini dalam abad ke-2 H:-

1. Abu Muhammad Amr bin Dinar al-Jamahi al-Makki (115 - 116 H),
2. Abu Bakr Muhammad bin Muslim bin Ubaidullah al-Qarasyi Zuhri (124 H),

-
3. Abdul Rahman bin Qasim bin Muhammad bin Abi Bakr Taimi Madani (126 H),
 4. Bakr bin Suwada bin Thamamah Abu Thamamah Basri (128 H),
 5. Abdullah bin Abi Najih Yasar Makki (131 H),
 6. Hafiz Mughirah bin Muqassim Abu Hisyam Dhabbi Kufi (133 H),
 7. Abu Abdul Rahim Khalid bin Zaid Jamah Misri (139 H),
 8. Hasan bin al-Hakam Nakha`i Kufi (140 H),
 9. Idris bin Yazid Abu Abdillah Awadi Kufi,
 10. Yahya bin Said bin Hayyan Taimi Kufi (145 H),
 11. Awf bin Abi Jamilah Abdi Hujri Basri (146 H),
 12. Hafiz Abdul Malik bin Abi Sulaiman Arzami Kufi (145 H),
 13. Ubaidullah bin Umar bin Hafs bin Asim bin Umar bin Khattab Adawi Madani (147 H),
 14. Naim bin al-Hakim Madaini (148 H),
 15. Talha bin Yahya bin Talha bin Ubaidullah Taimi Kufi (148 H),
 16. Abu Muhammad Kathir bin Zaid Aslami (150 H),
 17. Hafiz Muhammad bin Ishaq Madani (151 - 152 H),
 18. Hafiz Muammar bin Rasyid Abu Urwah Azdi Basri (153 - 154 H),
 19. Hafiz Mus`ar bin Kidam bin Dhahir Hilali Rawasi Kufi (154 - 155 H),
 20. Abu Isa Hakam bin Aban Adani (154 - 155 H),
 21. Abdullah bin Syawdhab Balakhi Basri (157 H),
 22. Hafiz Syuba bin Hajjaj Abu Bustam Wasiti Basri (157 H),
 23. Hafiz Abu al-Ula Kamil bin al-Ula Tamimi Kufi (160 H),
 24. Hafiz Sufyan bin Said Thauri Abu Abdallah Kufi (161 H),
 25. Hafiz Israil bin Yunus bin Abi Ishaq Sabi`i Abu Yusuf Kufi (162 H),
 26. Ja`far bin Ziyad Kufi Ahmar (165 H),
 27. Muslim bin Salim Nahdi Abu Farwa Kufi,
 28. Hafiz Qais bin Rabī`i Abu Muhammad Asadi Kufi (165 H),
 29. Hafiz Hammad bin Salma Abu Salma Basri (167 H),
 30. Hafiz Abdulla bin Luhai'a Abu Abdul Rahman Misri (174 H),
 31. Hafiz Abu Uwana Wadhdhah bin Abdulla Yasykuri Wasiti Bazzaz (175 H),
 32. Qadi Syarik bin Abdulla Abu Abdillah Nakha`i Kufi (177 H),
 33. Hafiz Abdulla (atau Ubaidullah) bin Abdir Rahman (atau Abdul Rahman) Kufi Abdu Abdir Rahman Asyia`i (182 H),
 34. Nuh bin Qais Abu Ruh al-Huddani Basri (183 H),
 35. Muttalib bin Ziyad bin Abi Zuhair Kufi Abu Talib (185 H),
 36. Qadi Hassan bin Ibrahim Anazi Abu Hasyim (186 H),

-
37. Hafiz Jarir bin Abdil Hamid Abu Abdillah Dhabbi Kufi Razi (188 H),
 38. Al-Fadhl bin Musa Abu Abdillah Mirwazi Sinani (192 H),
 39. Hafiz Muhammad bin Ja`far Madani Basri Abu Abdillah Ghundar (193 H),
 40. Hafiz Ismail bin Aliyya Abu Basyar bin Ibrahim Asadi (193 H),
 41. Hafiz Muhammad bin Ibrahim Abu Amr bin Abi Adi Basri (194 H),
 42. Hafiz Muhammad bin Khazim Abu Muawiyya Tamimi (195 H),
 43. Hafiz Muhammad bin Fudhail Abu Abdir Rahman Kufi (195 H),
 44. Hafiz Waki`i bin Jarrah Rawasi Abu Sufyan Kufi (195 H),
 45. Hafiz Sufyan bin Uyana Abu Muhammad Hilali Kufi (198 H),
 46. Hafiz Abdullah bin Namir Abu Hasyam Hamdani Kharifi (199 H),
 47. Hafiz Hanasy bin Harth bin Laqit Nakha`i Kufi,
 48. Abu Muhammad Musa bin Yaqub Zama`i Madani,
 49. Al-Ula bin Salim Attar Kufi,
 50. Azraq bin Ali bin Muslim Hanafi Abu al-Hajm Kufi,
 51. Hani bin Ayyub Hanafi Kufi,
 52. Fudhail bin Marzuq al-Agharr Rawasi Kufi (160 H),
 53. Abu Hamza Saad bin Ubaida Kufi,
 54. Musa bin Muslim Hazami Syaibani Abu Isa Kufi Tahhan,
 55. Ya`qub bin Ja`far bin Abi Kathir Ansari Madani,
 56. Uthman bin Saad bin Murra Qarasyi Kufi.

Justeru itu, hadith ini terus-menerus diriwayatkan oleh begitu ramai perawi pada setiap masa hingga membolehkannya mencapai taraf mutawatir beberapa kali. Sampailah kini kepada para ulama dan penulis yang telah meriwayatkan hadith ini dalam kitab hadith mereka; memadailah disebutkan bahawa Agha Amini telah meriwayatkan nama-nama 360 orang ulama terkemuka dalam abad tersebut.

Setengah orang telah cuba menimbulkan keraguan tentang kedudukan perawi (*asnad*) hadith ini. Seperti disebutkan, sekiranya hadith itu mutawatir, tidak perlulah lagi dilihat atau diteliti *asnadnya*. Untuk menunjukkan betapa ceteknya tuduhan seumpama ini, saya sukalah mengemukakan pendapat-pendapat setengah ahli hadith di sini:

(13) PERIWAYATAN (ASNAD) HADITH GHADIR.

(a) Hafiz Abu Isa Tirmidhi telah mengatakan dalam *Sahihnya* (salah satu daripada *Sihah Sittah*) bahawa:

“ *Hadha Hadith Hasan Sahih* ” bermaksud hadith ini adalah hadith hasan dan sahih (benar).

(b) Hafiz Abu Ja‘far Tahawi telah mengatakan dalam *Musykil al-Athar*: “ *Hadha Hadith Sahih Asnad wa la ta‘ana li-ahadin fi ruwatih.*”

Oleh itu, hadith ini sahih (benar) mengikut kepada asnad dan tiada seorang pun telah mengatakan sesuatu terhadap para perawinya.

(c) Abu Abdillah Hakim Nisaburi telah meriwayatkan hadith ini daripada beberapa rangkaian riwayat dalam *al-Mustadrak* dan mengatakan bahawa hadith ini adalah sahih (benar).

(d) Abu Muhammad Ahmad bin Muhammad Asimi menjelaskan dalam *Zain al-Fata*: “ *Hadithun talaqqat-hu al-Ummah bi-al-Qubuli wa huwa muwafiqun* ” bermaksud hadith ini diakui oleh Ummah (Islam) dan ia menepati usul.

Begitu juga, ahli-ahli hadith berikut (antara beratus-ratus lagi yang lain) telah menerangkan bahawa hadith tersebut adalah sahih (benar):-

1. Abu Abdullah Mahamili Baghdadi dalam *Amalinya*,
2. Hafiz Ibn Abd al-Barr Qurtubi dalam *al-Isti`ab*,
3. Ibn al-Maghazili Syafi`i dalam *Manaqib*,
4. Al-Ghazali dalam *Sirr al-`Alamin*,
5. Abu al-Farj ibn Jawzi dalam *Manaqibnya*.
6. Sibte ibn Jawzi dalam *Tadhkirah*,
7. Ibn Abi al-Hadid al-Mu`tazili dalam *Syarh Nahj al-Balaghah*,
8. Abu Abdillah Ganji Syaffi`i dalam *Kifayah*,
9. `Ala' al-Din Samnani dalam *al-Urwat al-Wusqa*,
10. Ibn Hajar al-`Asqalani dalam *Tahzib al-Tahzib*,
11. Ibn Kathir Dimasyqi dalam *Tarikhnya*,
12. Jalal al-Din al-Suyuti,

13. Al-Qastalani dalam al-Mawahib,
- Š14. Ibn Hajar al-Makki dalam al-Sawa`iq,
15. Abd al-Haq Dihlawi dalam Syarh al-Misykat dan ramai lagi.

PENTING: Harus dinyatakan di sini bahawa semua nama yang disebutkan di atas terdiri daripada para ulama' Sunni dan apabila ulama' Sunni menggunakan perkataan-perkataan sahih atau hasan, mereka tidaklah mempunyai maksud seperti yang dijelaskan dalam penjelasan sebelumnya. Dalam penggunaan biasa Sunni, sesuatu hadith itu dikatakan sahih apabila ia diriwayatkan oleh tokoh-tokoh yang diakui adil, kuat ingatan (dabit) dan tidak mempunyai sesuatu kekurangan dan juga tidak bersifat aneh (syaz).

Seandainya ciri-ciri utama di atas didapati dalam sanad sesebuah hadith tetapi ingatan seseorang atau beberapa orang perawi itu kurang sedikit daripada yang dikehendaki untuk menjadi sahih, ia dikenali sebagai hadith hasan.

Oleh itu, apabila para ulama Sunni menyatakan hadith Ghadir adalah sahih, mereka maksudkan para perawinya adalah adil (tidak mempunyai sebarang kekurangan dalam keimanan dan amalan), mempunyai ingatan yang kuat dan hadith ini tidak ada sebarang cacat celanya.

(14) PENGERTIAN MAWLA DARI SEGI BAHASA

Oleh kerana golongan Sunni tidak mampu menafikan kesahihan hadith Ghadir, mereka cuba mengurangkan kepentingannya dengan mengatakan bahawa perkataan *mawla* dalam hadith tersebut bermaksud *sahabat*, dan Nabi ingin mengumumkan bahawa “barang siapa menjadikan aku *sahabat*nya, maka ini Ali juga *sahabat*.”

Masalah yang timbul adalah kerana tidak ada seorang ju pun yang hadir di Ghadir memahami perkataan itu dengan maksud tersebut. Hasan bin Thabit Ansari (penyair Nabi yang termasyhur) menukilkan di dalam sebuah syairnya dan dibacakan di hadapan para pendengar dengan kata-katanya:

“ Fa-qala la-hu Qum Ya ‘Ali fa innani radi-tuka min ba‘di Imaman wa Hadiyan.”

(Kemudian, Rasulullah bersabda kepadanya, bangkitlah wahai ‘Ali kerana sesungguhnya aku reda menjadikanmu *Imam* dan pemberi petunjuk selepasku.)

‘Umar bin al-Khattab mengucapkan tahniah kepada ‘Ali dengan kata-kata:

“ Hanian la-ka yabna Abi Talib asbah-ta wa amsai-ta mawla kulli mu ‘minin wa mu ‘minah.”

(Lihat: Misykat al-Masabih, Habib al-Siyar, Tafsir al-Tabari, kitab-kitab al-Syaibani, Abu Syaiba, Abu Yala, Ibn Uqda dan banyak lagi.)

(Tahniah! Wahai anak Abi Talib. Engkau telah menjadi *mawla* ke atas orang-orang yang beriman, lelaki maupun perempuan.)

Sekiranya perkataan *mawla* bermaksud sahabat, lalu kenapakah perlunya kepada ucapan tahniah? Adakah ‘Ali merupakan musuh kepada orang-orang yang beriman, lelaki maupun perempuan terdahulu dari itu dan dengan sebab itu, ‘Umar berkata: “ pagi ini engkau telah menjadi sahabat mereka semua?

Imam ‘Ali sendiri menulis kepada Mu‘awiyah:

“ Rasulullah menyerahkan kekuasaan kepadaku ke atas engkau pada hari Ghadir Khum.”

Ramai lagi sahabat Nabi yang lain menggunakan perkataan *mawla* dalam syair-syair mereka berhubung dengan Ghadir Khum dengan maksud Ketua/pemimpin.

Sebilangan besar ulama tafsir, nahu (bahasa) dan sastera Arab telah mentafsirkan perkataan *mawla* sebagai awla (memiliki kekuasaan yang tinggi). Nama-nama berikut bolehlah dipetik sebagai contoh:

Ibn ‘Abbas, Kalbi, Farra’, Abu Ubaidah, Akhfasy, al-Bukhari dalam Sahihnya (Jilid 7, hlm. 240), Ibn Qutaibah, al-Syaibani, al-Tabari, al-Wahidi, al-Tha`labi, al-Zamakhsyari, al-Baidawi, al-Nasafi, al-Khazin al-Baghdadi, Muhibb al-Din Afandi dan lain-lain.

(15) PENGERTIAN MAWLA DALAM KONTEKS

Kini, marilah kita lihat apakah pengertian yang boleh kita simpulkan dalam konteks hadith ini, kerana sekiranya sesuatu perkataan itu boleh digunakan dengan pengertian yang berbeza-beza, cara yang paling baik untuk memastikan kebenaran keterangan itu adalah dengan melihat kepada konteks (*qarinah*). Terdapat banyak konteks (*qarinah*) dalam hadith ini yang menunjukkan dengan jelas bahawa satu-satunya pengertian yang benar-benar menepati peristiwa itu ialah ketua/pemimpin (mawla). Sebahagiannya adalah seperti berikut:

Pertama: Persoalan yang Nabi tanyakan sejurus sebelum pengumuman tersebut. Baginda menanyakan mereka:

“*Alas-tu awla bi-kum min anfusi-kum.*” (Adakah aku lebih berhak ke atas kamu daripada diri kamu sendiri?) Apabila mereka menjawab: “Memang benar,” kemudian Nabi terus mengumumkan:

“*Man kun-tu mawla-hu fa hadha ‘Aliyyun mawla-hu.*” (Barangsiapa yang menjadikan aku pemimpinnya (*mawla*), maka Ali juga merupakan *mawlanya*.)

Bolehkah sebarang keraguan ditimbulkan bahawa perkataan *mawla* mempunyai pengertian yang sama dengan *awla bi-kum* (mempunyai kekuasaan ke atas kamu) dalam persoalan terdahulu?

Sekurang-kurangnya 64 orang ahli hadith Sunni yang terkemuka telah meriwayatkan persoalan yang terdahulu itu tadi, di antara mereka termasuklah Ahmad bin Hanbal, Ibn Majah, al-Nasa’i dan al-Tirmidhi.

Kedua: Doa berikut yang Nabi ucapkan sejurus selepas pengumuman tersebut:

“ *Allahumma wali man walah wa adi man adah wansur man nasara wakhzul man khazalah.*”

“ Ya Allah ! tolonglah orang yang menolong ‘Ali, musuhilah orang yang memusuhi ‘Ali, bantulah orang yang membantu ‘Ali dan abaikanlah orang yang mengenepikan ‘Ali.”

Doa tersebut menunjukkan bahawa Ali telah diberi pada hari itu, tanggungjawab yang menurut kebiasaannya, sesetengah orang boleh menjadi musuhnya (dan tanggungjawab itu tidak berlaku melainkan bagi seorang pemerintah), dan dalam pelaksanaan tanggungjawab itu, tentulah dia memerlukan penolong dan penyokong. Pernahkah anda dengar penolong-penolong diperlukan untuk melaksanakan sebuah pemerintahan.

Ketiga: Pengumuman Nabi: “ Jelaslah kini, aku akan dipanggil (oleh Allah) dan aku pasti menyahutinya.” Pengumuman mengenai kewafatannya itu menunjukkan bahawa baginda sedang membuat penyusunan dalam kepemimpinan umat Islam selepas wafatnya.

Keempat: Ucapan tahniah para sahabat dan cetusan perasaan gembira mereka tidak memberikan ruang kepada sebarang bentuk keraguan berhubung dengan maksud pengumuman tersebut.

Kelima: Peristiwa, tempat dan masa. Cuba bayangkan, Nabi memberhentikan perjalanannya di tengahari dan menahan beribu-ribu orang musafir di bawah pancaran terik matahari di padang pasir, membuatkan mereka duduk di tempat yang penuh duri atas tanah yang hangat, membina mimbar daripada pelana-pelana unta, kemudian cubalah anda bayangkan Nabi menyampaikan khutbah yang begitu panjang dan di akhir semua persediaan tadi, muncullah pengumuman “barang siapa mencintaiku, hendaklah mencintai ‘Ali.”

Bolehkah perkara seperti itu diketepikan, biarpun oleh orang yang tidak begitu mengacuhkannya? Tentunya tidak, tetapi sesetengah orang sanggup menuduh Nabi melakukan tindakan yang bersifat kebudak-budakan.

(16) ‘ALI: “ DIRI ” RASULULLAH

Terdapat banyak ayat yang membuktikan Khilafah ‘Ali bin Abi Talib (a.s). Tidak mungkin disebutkan semuanya, tetapi saya sukalah memperlihatkan kepada anda “ peristiwa *al-Mubahalah*.” Di sana, akan anda dapati bahawa ‘Ali bin Abi Talib (‘a.s) telah disebutkan dalam Ayat *al-Mubahalah* sebagai “ diri ” Nabi (s.‘a.w).

Di sini telah ditunjukkan bahawa oleh kerana haram bagi sesiapa sahaja mendapat keutamaan lebih daripada Nabi, kedudukan yang sama juga berlaku kepada ‘Ali kerana beliau adalah diri Nabi, seperti yang dijelaskan oleh firman Allah. Sesiapa sahaja yang menganggap dirinya lebih utama daripada ‘Ali, tentunya sanggup mengatakan dia lebih utama daripada Nabi (s.‘a.w).

Di sana akan anda dapati bahawa ‘Ali bin Abi Talib (‘a.s) telah disebutkan dalam Ayat *al-Mubahalah* sebagai “ diri ” Nabi (s.‘a.w).

Di sini telah ditunjukkan bahawa oleh kerana haram bagi sesiapa sahaja mendapat keutamaan lebih daripada Nabi, kedudukan yang sama juga berlaku kepada ‘Ali kerana beliau adalah diri Nabi, seperti yang dijelaskan oleh firman Allah. Sesiapa sahaja yang menganggap dirinya lebih utama daripada ‘Ali, tentunya sanggup mengatakan dia lebih utama daripada ‘Ali (‘a.s).

(17) SEBAHAGIAN HADITH

Selepas pengumuman Ghadir, tidak perlulah dikemukakan bukti-bukti lain mengenai Khilafah ‘Ali bin Abi Talib (‘a.s). Namun, saya ingin memetik beberapa buah hadith yang berhubung dengannya di sini:

Pertama: Hadith al-Thaqalain, ketika Nabi (s.‘a.w) bersabda: “ Aku tinggalkan kepadamu dua perkara yang sangat berharga, Kitab Allah dan Ahl al-Baitku (keluarga). Sekiranya kamu semua berpegang kuat kepada mereka dan terus mematuhi serta mentaati kedua-duanya, dan tidak meninggalkannya, kamu semua tidak akan sesat selama-lamanya.

Kedua-duanya tidak akan berpisah sehingga mereka menemuiku di telaga Kauthar (Haud al-Kauthar)."

Kini, semua orang harus mengakui bahawa ‘Ali bin Abi Talib (‘a.s) bukan sahaja salah seorang dari kalangan Ahl al-Bait, malahan beliau merupakan tokoh yang paling terkemuka di antara mereka. Justeru itu, kewajipan mentaatinya terbukti berdasarkan hadith yang telah diakui umum tersebut.

Kedua: Hadith al-Manzilah, ketika ‘Ali bin Abi Talib (‘a.s) dikatakan mempunyai kedudukan yang sama dengan Nabi (s.’a.w) seperti kedudukan Harun (a.s) dengan Musa (a.s), iaitu sebagai wakil penolongnya.

Ketiga: Dalam peristiwa penyampaian ayat-ayat dalam surah Bara’ah (surah al-Taubah (IX) kepada penduduk-penduduk kota Makkah, semasa Nabi mengatakan: “ Jibril telah datang kepadaku dan berkata: “ tiada seorang pun diperintah menyampaikan amanat ini dengan saksama melainkan sama ada diri baginda sendiri ataupun seseorang daripada keluarga baginda.”

Prinsip akhlak dimasukkan dalam pengumuman Nabi yang dinyatakan dengan jelas seperti berikut:

“ ‘Ali bersama-sama dengan kebenaran (*al-haq*) dan kebenaran bersama-sama dengan ‘Ali. Ke mana sahaja Ali berpihak, kebenaran turut memihak kepadanya.” Khalifah yang sebenar-benarnya adalah menjadi hak ‘Ali dan bukannya orang lain.

Keempat: Hadith *al-Nur* (cahaya Ilahi). Sayyid ‘Ali Hamadani menulis dalam kitab *Mawaddat al-Qurba* daripada Salman al-Farisi bahawa Nabi telah bersabda: “ Aku dan ‘Ali dijadikan dari cahaya Ilahi (*Nur*) yang satu dan sama sejak 4 000 tahun dahulu sebelum Adam dijadikan. Apabila Adam dijadikan, *Nur* itu ditempatkan di sulbinya (tulang belakang). Dengan demikian, kami terus menerus berada dalam tempat yang sama sehingga kami dipisahkan dalam sulbi ‘Abd al-Muttalib. Justeru itu, dalam diriku *nubuwah*, manakala dalam diri ‘Ali pula Khilafah.”

Dalam kitab *Riad al-Fada'il*, perkataan terakhir dalam hadith di atas dinyatakan seperti berikut:

“ Kemudian Dia (Allah) menjadikan aku sebagai Nabi dan ‘Ali sebagai Wasi.”

(18) PEMILIHAN IMAM-IMAM YANG LAIN

Sekarang, sampailah kita kepada ayat al-Qur'an yang menye-butkan: “ Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah, taatilah Rasul dan *Uli al-Amr* (pemerintah) daripada kamu.” (Surah IV: 62).

Dalam kitab *Kifayat al-Talib*, terdapat sebuah hadith daripada Jabir bin Abdullah al-Ansari yang menerangkan tentang ayat tersebut. Sewaktu ia diwahyukan, Jabir berkata kepada Nabi (s.'a.w): “ Kami tahu mengenai Allah dan Rasul-Nya, tetapi siapakah pula *Uli al-Amr* (pemerintah) yang disatukan ketaatan kepada mereka bersama dengan ketaatan kepada Allah dan dirimu?” Nabi bersabda: “ Mereka ialah Khalifahku dan juga Imam bagi umat Islam selepasku. Pertama ialah ‘Ali, diikuti oleh Hasan, Husain, kemudian ‘Ali bin Husain, seterusnya Muhammad bin ‘Ali yang digelarkan sebagai *al-Baqir* dalam kitab Taurat. Wahai Jabir! Engkau akan menemui mereka. Apabila engkau melihat mereka, sampaikanlah *salamku* kepada mereka. Seterusnya, beliau akan digantikan oleh anaknya, Ja‘far al-Sadiq, Musa bin Ja‘far, ‘Ali bin Musa, Muhammad bin ‘Ali, ‘Ali bin Muhammad dan Hasan bin ‘Ali.”

“ Beliau pula akan disusuli oleh anaknya yang mempunyai nama dan kunyahnya (gelaran) sama denganku. Beliau akan menjadi *Hujjat-Allah* di atas muka bumi dan sebagai *Baqiyyat Allah* (orang yang dipelihara Allah bagi mengekalkan keimanan) di kalangan umat manusia.”

“ Beliau akan menakluki seluruh dunia dari Timur hingga ke Barat, dan ghaib dari pandangan para pengikut dan sahabatnya. Kepercayaan kepada *Imamahnya* akan berkekalan hanya dalam hati orang-orang yang telah diuji Allah dengan iman.”

Kini, kita telah mengetahui siapa orang-orang yang “ diberi Kekuasaan ” dan dengan mudah kita dapat melihat bahawa persoalan “ mentaati para pemerintah yang zalim ” tidak wujud sama sekali. Umat Islam tidak diperintah mentaati “ pemerintah-pemerintah ” yang zalim, jahil, tamak dan tenggelam dalam kejahatan. Mereka diperintah oleh ayat itu supaya mentaati dua belas (12) orang Imam yang telah ditetapkan, semuanya ma’sumun dan terpelihara dari fikrah dan amalan yang tidak baik. Mentaati mereka tidak memberikan sebarang kemudaratan, bahkan ia melindungi mereka dari semua kemudaratan kerana para Imam itu tidak sekali-kali memberikan perintah yang bertentangan dengan kehendak Allah dan mereka akan memelihara serta mengawasi umat manusia dengan penuh kasih sayang, keadilan dan persamaan.

(19) KHALIFAH ATAU IMAM

Sebelum mengakhiri bahagian ini, saya berpendapat beberapa bahagian dalam kitab *Yanabi’ al-Mawaddah*, bab 77 (oleh Hafiz Sulaiman bin Ibrahim al-Qanduzi al-Hanafi, meninggal dunia 1294H) memang wajar dirujuk.

Pertama sekali, beliau telah memetik hadith yang dikenali umum: “ Akan ada dua belas (12) orang Khalifah, semuanya daripada kaum Quraisy,” dari banyak hadith termasuklah daripada al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan al-Tirmidhi.

Kemudian, beliau memetik sejumlah hadith yang memperlihatkan Nabi (s.a.w) bersabda: “ Aku, ‘Ali, Hasan, Husain dan sembilan (9) orang lagi daripada keturunan Husain adalah suci dan ma’sumun.”

Beliau juga turut memetik sabda Nabi (s.’a.w) kepada Imam Husain: “ Engkau merupakan seorang *wali*, anak kepada *wali*, saudara kepada *wali*, engkau merupakan seorang Imam, anak kepada Imam, saudara kepada Imam, engkau merupakan seorang *Hujjah* (Allah), anak kepada *Hujjah* (Allah), saudara kepada *Hujjah* (Allah), manakala yang kesembilan ialah al-Mahdi.”

Selepas memetik banyak hadith seumpama itu, beliau menulis:

“Sesetengah ulama mengatakan bahawa hadith-hadith (yang menunjukkan Khalifah selepas Nabi (s.a.w) seramai dua belas (12) orang memang diketahui umum, dari berbagai-bagai riwayat. Kini, dengan berlalunya masa dan menerusi peristiwa-peristiwa sejarah yang terjadi, kita dapat mengetahui bahawa melalui hadith tersebut, Nabi (s.a.w) bermaksud ia merujuk kepada dua belas (12) orang Imam daripada Ahl al-Bait dan keturunan baginda kerana hadith-hadith tersebut tidak bertepatan dengan empat (4) orang Khulafa’ al-Rasyidin dari kalangan sahabat baginda, disebabkan mereka adalah kurang daripada dua belas (12) orang.

Ia juga tidak bertepatan dengan para khalifah daripada Bani Umaiyyah kerana:

- (a) mereka berjumlah lebih daripada dua belas (12) orang.
- (b) mereka semuanya adalah zalim dan kejam (melainkan ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz) dan;
- (c) mereka bukan daripada Bani Hasyim sedangkan Nabi (s.a.w) pernah bersabda dalam sebuah hadith: “Kesemua mereka itu adalah daripada Bani Hasyim.”

Ia juga tidak bertepatan dengan para khalifah Bani ‘Abbas kerana:

- (a) mereka berjumlah lebih daripada dua belas (12) orang, dan
- (b) mereka turut (menzalimi keluarga dan keturunan Nabi serta menyalahi perintah al-Qur'an berhubung dengan perkara tersebut)

Oleh yang demikian, satu-satunya cara untuk mentafsirkan hadith di atas adalah dengan menerima bahawa hadith merujuk kepada dua belas (12) orang Imam daripada Ahl al-Bait Nabi (s.a.w) dan keturunan baginda kerana pada zaman mereka, mereka ialah orang-orang yang paling alim, mulia, bertaqwa, zuhud, terhormat dari segi silsilah keturunan, terbaik dalam amalan dan dipuji oleh Allah sendiri. Pengetahuan mereka adalah bersumber daripada nenek-moyang mereka (Nabi (s.a.w)) sendiri menerusi bapa-bapa, warisan dan petunjuk langsung daripada Allah.”

BAHAGIAN KETIGA

FAHAMAN ALIRAN SUNNI

(20) PANDANGAN SUNNI MENGENAI KHILAFAH

Aliran Sunni mengakui empat (4) sistem pemilihan Khalifah: (a) *Ijma'* - kesatuan pendapat para penguasa dalam sesuatu perkara.

Persetujuan daripada semua pengikut Nabi adalah tidak wajib, bahkan ia tidak begitu penting untuk menjamin persepakatan semua penguasa di kalangan umat manusia.

- (b) Pemilihan oleh Khalifah terdahulu.
- (c) Syura: pemilihan menerusi satu majlis.
- (d) Kekuatan tentera: sekiranya siapa sahaja mendapat kuasa melalui kekuatan tentera, dia diakui sebagai Khalifah.

Pengarang kitab *Syarh al-Mawaqif* telah menjelaskan bahawa apabila seseorang Imam meninggal dunia dan seseorang itu mempunyai sifat-sifat yang diperlukan untuk menuntut jawatan itu (tanpa bai'ah yang diperolehi untuknya dan tanpa dia terlebih dahulu dipilih untuk menggantikannya), tuntutan tersebut terhadap Khalifah akan diakui. Dengan syarat, kekuasaannya dapat menundukkan orang ramai. Hal yang sama akan berlaku apabila Khalifah yang baru ialah seorang yang jahil dan tidak berakhhlak mulia. Demikian juga, apabila Khalifah melantik dirinya menerusi kekuatan tentera dan kemudian dikalahkan oleh orang lain, Khalifah yang kalah akan tersingkir dan orang yang mengalahkannya diakui pula sebagai Imam atau Khalifah.

(21) SIFAT-SIFAT SEORANG KHALIFAH

Aliran Sunni menganggap sepuluh (10) syarat adalah wajib bagi seseorang Khalifah:

- (1) dia hendaklah orang dewasa, bukan kanak-kanak.
- (2) dia hendaklah berakal.
- (3) dia hendaklah merdeka, bukan hamba.

-
- (4) dia hendaklah lelaki, bukan perempuan.
 - (5) dia hendaklah mampu memimpin dalam peperangan dan tahu taktik-taktik peperangan.
 - (6) dia hendaklah berani.
 - (7) dia hendaklah boleh dilihat, bukan ghaib.
 - (8) dia hendaklah Islam.
 - (9) dia hendaklah adil.
 - (10) dia hendaklah mampu mengeluarkan hukum dan memberi fatwa dalam bidang hukum dan keagamaan, dengan kata-kata lain dia hendaklah mujahid.

Walau bagaimanapun, dua (2) syarat yang terakhir itu hanyalah tertulis di atas kertas semata-mata. Seperti yang telah dijelaskan dalam bab terdahulu, malahan orang yang jahil dan tidak berakhlak sekalipun boleh dipilih menjadi *Khalifah*. Justeru itu, hak berhubung dengan “keadilan” dan “keagamaan” hanyalah merupakan suatu tuntutan tanpa aras sama sekali.

Mereka berpendapat bahawa “kemaksuman” tidak wajib bagi seseorang Khalifah. Kata-kata Abu Bakr (lihat: *Tarikh al-Khulafa* oleh al-Suyuti) yang diucapkannya di atas mimbar di hadapan para sahabat Nabi diketengahkan di sini sebagai menyokong hujah itu. Katanya: “Wahai manusia! Aku telah dijadikan pemerintah ke atas kamu semua walaupun aku bukanlah orang yang terbaik di kalangan kamu. Oleh itu, sekiranya aku menjalankan tugasku dengan baik, bantulah aku dan seandainya aku melakukan kesalahan, betulkanlah aku.” Kitab *Syarh al-Tajrid* memberikan cerita yang berlainan seperti berikut: “Pada diriku, ada syaitan yang sentiasa datang kepadaku. Bantulah aku sekiranya benar, dan jauhilah aku sekiranya salah.”

Al-Taftazani mengatakan dalam kitab *Syarh Aqa'id al-Nasafi*:

“Seorang Imam tidak boleh disingkirkan dengan sebab penindasan atau kejahatannya.”

(22) BAGAIMANA ABU BAKR BERKUASA

Semua sistem yang dinyatakan di atas, diambil bukannya dari mana-mana ayat al-Qur'an ataupun hadith, tetapi daripada peristiwa-peristiwa selepas kewafatan Nabi (s.'a.w).

Menurut Sunni, empat (4) orang Khalifah yang terdahulu dikenali sebagai *al-Khulafa' al-Rasyidin* (para khalifah yang berada di jalan yang benar.)

Mari kita lihat bagaimana *al-Khilafah al-Rasyidah* terjadi.

Sebaik sahaja Nabi (s.a.w) wafat, penduduk Islam di kota Madinah yang dikenali sebagai kaum Ansar telah berkumpul di Balai Bani Sa'idah. Menurut pengarang kitab Ghias al-Lughah, ia adalah sebuah rumah rahsia di mana orang-orang Arab biasanya berkumpul bagi melaksanakan kegiatan-kegiatan jahat mereka. Di sinilah, Sa'ad bin Ubadah yang sedang sakit kuat dibawa dan didudukkan di atas kerusi negarawan, dalam keadaan berselimut supaya dia bakal dipilih menjadi khalifah. Sa'ad lalu menyampaikan ucapan dengan menghitung jasa baik kaum Ansar dari Madinah dan menggesa mereka mengambil alih Khalifah sebelum orang lain melakukannya. Kaum Ansar bersetuju dengannya dan mengatakan bahawa mereka ingin memilihnya sebagai Khalifah. Namun begitu, ada di kalangan mereka yang bertanya: "Sekiranya kaum Muhajirin daripada golongan Quraisy menentang tindakan itu dan mengemukakan tuntutan mereka, apakah yang patut kita katakan kepada mereka?"

Sekumpulan dalam perhimpunan itu berkata: "Kita akan memberitahu mereka, marilah kita memilih seorang pemimpin daripada kaummumu dan seorang lagi daripada kaum kami." Sa'ad berkata: "Inilah kelemahan pertama yang kamu tunjukkan."

Ada seorang telah memberitahu 'Umar mengenai perhimpunan itu mengatakan: "Seandainya engkau ingin mendapatkan pemerintahan, engkau hendaklah segera ke Saqifah sebelum terlambat dan sukar bagimu mengubah apa yang telah berlaku di sana." Setelah menerima berita tersebut, 'Umar berserta Abu Bakr segera menuju ke Saqifah. Abu Ubaidah turut sama menyertai mereka.

Al-Tabari, Ibn al-Athir, Ibn Qutaibah dan lain-lain meneruskan cerita mereka dengan menerangkan bahawa setelah sampai ke Saqifah, Abu Bakr, Umar dan Abu Ubaidah dengan bersusah payah mendapatkan tempat mereka ketika Thabit bin Qais berdiri sambil menceritakan kebaikan kaum Ansar dan menganjurkan supaya jawatan Khalifah diberikan kepada salah seorang daripada kaum Ansar.

‘Umar kemudian disebut sebagai berkata: “ Apabila jurucakap kaum Ansar itu selesai berucap, aku cuba untuk bercakap setelah mendapat buah fikiran tentang beberapa perkara yang kukira baik tetapi Abu Bakr memberi isyarat supaya diam. Oleh kerana itu, aku pun berdiam diri. Abu Bakr lebih pandai dan berpengetahuan jika dibandingkan denganku. Dia secara spontan membicarakan beberapa perkara yang sama seperti yang telah aku fikirkan dan mengucapkannya kepada mereka dengan cara yang lebih baik.”

Berdasarkan kitab *Raudat al-Safa*, Abu Bakr berucap dalam perhimpunan di Saqifah seperti berikut:

“ Wahai kaum Ansar! Kami mengakui kebaikan kamu semua. Kami juga tidak pernah melupakan usaha-usahamu berjuang untuk Islam, tetapi kemuliaan dan penghormatan kaum Quraisy di kalangan orang-orang Arab tidak dinikmati oleh kaum-kaum lain, kerana orang-orang Arab tidak akan tunduk kepada sesiapa pun jua selain daripada kaum Quraisy.”

Dalam kitab *al-Sirat al-Halabiyyah*, ditambahkan dengan kata-kata: “ Bagaimanapun, memang benar kaum Muhajirin merupakan orang yang terdahulu menerima Islam. Nabi juga berasal daripada kaum mereka. Kami merupakan kaum kerabat Rasulullah dan kerana itu, kami lebih berhak terhadap Khalifah. Sepatutnya, kepemimpinan itu diserahkan kepada kami manakala tugas-tugas wazir menjadi hakmu. Kami tidak akan bertindak melainkan setelah mendapatkan nasihatmu.”

Soal-jawab yang hangat mulai timbul sehingga mendorong ‘Umar melaungkan: “ Demi Allah! Aku akan bunuh orang yang menentang kami sekarang ini.”

Hubab bin Munzir bin Zaid, salah seorang Ansar daripada golongan Khazraj menyahut cabarannya dengan mengatakan: “ Demi Allah! Kami tidak akan membenarkan orang lain memerintah kami sebagai Khalifah. Seorang pemimpin mesti dipilih daripada kaummu dan seorang lagi daripada kaum kami.” Abu Bakr menjelaskan: “ Tidak, ia tidak akan terjadi kerana ia adalah hak kami untuk menjadi pemerintah manakala kamu sebagai wazir.”

Hubab mengatakan: “ Wahai kaum Ansar! Janganlah kamu tunduk kepada kata-kata orang itu. Tetap teguhlah ... Demi Allah! Sekiranya sesiapa sahaja berani menentang kami sekarang, aku akan potong hidungnya dengan pedangku ini.” ‘Umar membalias: “ Demi Allah! Dua orang pemerintah tidak akan berlaku. Tidak boleh wujud dua orang pemerintah dalam sebuah pemerintahan kerana orang-orang tidak akan bersetuju terhadap kepemimpinan kamu disebabkan Nabi bukannya daripada kaummu.”

Al-Tabari dan Ibn al-Athir menjelaskan bahawa terdapat soal-jawab yang saling berbalas-balas antara Hubab dan ‘Umar mengenai perkara tersebut. ‘Umar melaknat Hubab: “Moga-moga Allah membunuhmu,” kemudian Hubab membalias: “Moga-moga Allah membunuhmu.”

‘Umar maju dan berdiri dekat dengan kepada Sa‘d bin ‘Ubada lalu berkata kepadanya: “Kami ingin menghancurkanmu supaya semua anggota tubuhmu binasa.” Oleh kerana marah dengan ancaman itu, Sa‘d bangkit dan memegang janggut ‘Umar. ‘Umar menegaskan: “Sekiranya engkau mencabut satu urat sahaja, engkau akan melihat perkara-perkara yang tidak baik terjadi ke atas dirimu,” kemudian Abu Bakr meminta ‘Umar supaya bertenang dan lebih bersopan. ‘Umar memalingkan mukanya daripada Sa‘d yang berkata: “ Demi Allah! Kalaulah aku cukup kuat untuk berdiri, nescaya engkau akan mendengar ngauman singa di setiap sudut dan penjuru kota Madinah, pastilah engkau menyorokkan dirimu dalam lubang. Demi Allah! Kami akan memasukkanmu dalam golongan yang hanya menjadi pengikut sahaja dan bukannya pemimpin.”

Ibn Qutaibah menerangkan bahawa apabila Basyir bin Sa‘d (ketua puak Aus) melihat kaum Ansar bersatu di belakang Sa‘d bin

‘Ubadah (yang menjadi ketua golongan Khazraj), dia yang merasa iri hati lalu bangun menyokong tuntutan golongan Muhajirin Quraisy.

Di tengah huru-hara itu, Umar berkata kepada Abu Bakr: “ Hulurkanlah tanganmu supaya dapat aku berikan sumpah taat setia (bai‘ah).” Abu Bakr menjawab: “ Tidak, engkau lah yang patut menghulurkan tanganmu agar aku dapat memberikan bai‘ahku kepadamu kerana engkau lebih kuat dan lebih sesuai terhadap Khalifah daripadaku.” ‘Umar mengambil tangan Abu Bakr lalu membai‘ahnya sambil berkata: “ Kekuatanku tidak akan bererti jika dibandingkan dengan kelebihan dan usiamu, dan seandainya ia berharga, kekuatanku ditambah dengan kekuatanmu akan dapat menjayakan tugas Khalifah ini.”

Basyir bin Sa‘d turut ikut serta. Golongan Khazraj mengatakan kepadanya bahawa dia melakukannya kerana dengki kepada Sa‘d bin ‘Ubadah. Kemudian, puak Aus bercakap sesama mereka, sekiranya Sa‘d bin ‘Ubadah dijadikan Khalifah pada hari ini, puak Khazraj tentu akan merasa mereka lebih mulia daripada puak Aus, dan tidak seorang pun puak Aus akan mendapat penghormatan itu selama-lamanya. Oleh itu, mereka semuanya memberikan bai‘ah kepada Abu Bakr.

Ada seorang daripada puak Khazraj lalu menghunuskan pedangnya tetapi tindakannya telah dihalang oleh yang lain.

Ibn Qutaibah menceritakan bahawa apabila Abu Bakr berjaya mendapatkan Khilafah, ‘Ali telah diheret kepada Abu Bakr walaupun dia berulangkali menegaskan: “ Aku hanya hamba Allah dan saudara Rasulullah.” Selepas itu, ‘Ali telah diperintahkan supaya memberikan bai‘ah kepada Abu Bakr. ‘Ali menjelaskan: “ Aku lebih berhak terhadap Khalifah berbanding dengan sesiapa sahaja daripada kamu semua. Aku tidak akan memberikan bai‘ah kepadamu. Berhubung dengan hak, engkau sepatutnya memberikan bai‘ahmu kepadaku. Engkau meminta bai‘ah daripada kaum Ansar atas dasar engkau mempunyai pertalian kerabat dengan Nabi. Engkau telah merampas Khalifah daripada kami, Ahl al-Baitnya. Bukankah engkau berhujah kepada golongan Ansar bahawa engkau lebih berhak terhadap Khalifah daripada mereka kerana Nabi mempunyai pertalian kerabat denganmu, lalu mereka menyerahkan pemerintahan kepadamu serta menerima

kepemimpinanmu? Justeru itu, hujah yang engkau kemukakan kepada kaum Ansar kini aku kemukakan semula kepadamu. Pertalian kami dengan Rasulullah semasa hidup mahupun sesudah wafat baginda adalah lebih dekat berbanding dengan siapa sahaja daripadaku. Sekiranya engkau jujur terhadap hujahmu, engkau hendaklah berlaku adil, kalau tidak engkau pasti mengetahui bahawa secara sedar engkau telah berbuat zalim.”

‘Umar berkata: “ Engkau tidak akan dimaafkan, seandainya tidak memberikan bai‘ah.” ‘Ali membalas: “ Curahkanlah sebanyak mungkin usahamu itu pada hari ini kerana ia berada di tanganmu. Perkuatkanlah ia dengan sekutu mungkin kerana dia akan menyerahkannya nanti kepadamu. ‘Umar, aku tidak sekali-kali patuh kepada perintahmu, dan aku tidak akan memberikan bai‘ahku kepadanya.” Akhirnya, Abu Bakr berkata: “ Wahai ‘Ali! Sekiranya engkau tidak ingin memberikan bai‘ahmu kepadaku, aku tidak akan memaksamu untuk tujuan yang sama.”

(23) PENELITIAN RINGKAS TENTANG PERKARA DI ATAS

Sesetengah aspek dalam kejadian di atas memerlukan pemerhatian yang lebih mendalam.

(1) Dalam tradisi orang-orang Arab, apabila seseorang telah diakui biarpun oleh sekumpulan kecil untuk menjadi ketua atau pemimpin sesuatu golongan, orang lain tidak mahu menentangnya, dan mereka ikut sama. Tradisi ini wujud dalam fikiran ‘Abbas sewaktu dia memberitahu ‘Ali: “ Hulurkanlah tanganmu agar aku dapat membai‘ahmu...kerana sekali perkara tersebut diambilalih oleh mana-mana orang lain, tidak ada orang akan memintanya supaya mengembalikannya semula.” Tradisi inilah yang mendorong Sa‘d mendesak kaum Ansar mengambilalih *Khilafah* sebelum mana-mana orang lain melakukannya “ dan kerana tradisi inilah ‘Umar diberitahu supaya segera menuju ke Saqifah ” sebelum terlambat dan sukar baginya mengubahkan apa yang telah terjadi.” Tradisi tersebut jugalah yang mendorong kebanyakan umat Islam di Madinah menurutinya sahaja setelah beberapa orang menerima Abu Bakr sebagai Khalifah.

(2) ‘Ali (‘a.s) memang mengetahui tradisi itu. Namun, mengapakah pula beliau enggan menghulurkan tangannya untuk menerima bai‘ah ‘Abbas yang memberitahu kepadanya: “ Siapa lagi selain aku yang boleh memberikan bai‘ah?”

Ini disebabkan ‘Ali tahu bahawa *Khilafah* Rasulullah bukanlah dengan menjadi ketua atau pemimpin golongan tertentu. Ia tidak berdasarkan kepada pengumuman bai‘ah oleh orang ramai. Ia adalah tanggungjawab yang diberikan oleh Allah, bukannya oleh orang ramai, dan juga beliau sendiri telah dipilih di khalayak umum oleh Rasulullah sendiri sebagai pengganti (*wasinya*). Justeru itu, beliau tidak perlu bersegera mendapatkan bai‘ah daripada orang ramai.

(2) Kini, marilah pula kita beralih kepada peristiwa Saqifah:

Sepanjang hidup Rasulullah (s.‘a.w), masjid Nabawi menjadi pusat semua kegiatan Islam. Di sinilah keputusan mengenai perang dan perdamaian dibuat, perwakilan-perwakilan diterima, khutbah-khutbah disampaikan dan perbicaraan diputuskan.

Apabila berita mengenai kewafatan Nabi (s.‘a.w) merebak, semua umat Islam berkumpul di masjid tersebut.

Mengapakah pula Sa‘d bin ‘Ubadah membuat keputusan pergi ke suatu tempat yang bukan merupakan suatu tempat yang baik, sejauh tiga (3) batu di luar kota Madinah untuk membuat pertemuan? Tidakkah ini kerana mereka ingin merampas *Khilafah* tanpa diketahui oleh orang lain dan kemudian mengemukakan Sa‘d sebagai *Khalifah* yang telah pun diakui? Tentunya tidak ada jalan penyelesaian yang lain, sekiranya kita mengingati kembali pengumuman di Ghadir Khum dan tradisi orang-orang Arab.

(4) Apabila ‘Umar dan Abu Bakr mendapat tahu tentang perhimpunan itu, mereka sedang berada di masjid. Kebanyakan umat Islam berada di masjid. Kenapakah mereka tidak memberitahu orang lain mengenai perhimpunan itu? Kenapakah mereka keluar secara senyap-senyap? Tidakkah hal tersebut disebabkan ‘Ali dan Bani Hasyim berada di masjid dan juga di rumah Nabi, sedangkan ‘Umar dan Abu Bakr tidak

mahu mereka mengetahui pakatan tersebut ? Tidakkah hal ini didorong kerana mereka bimbang seandainya ‘Ali mendapat tahu tentang pertemuan di Saqifah itu, dan sekiranya beliau memutuskan untuk pergi ke sana walaupun kemungkinannya agak tipis, tentulah tidak ada orang lain yang akan mendapat peluang untuk mencapainya.

(5) Apabila Abu Bakr sedang memuji-muji kebaikan kaum Muhajirin bahawa mereka daripada kaum Nabi, tidakkah dia tahu bahawa ada lagi orang lain yang lebih berhak dan lebih utama terhadap tuntutan itu kerana mereka merupakan Ahl al-Bait Rasulullah (s.’a.w) dan daripada darah daging baginda sendiri?

Aspek inilah yang menjadi alasan dan hujah secara langsung bagi ‘Ali membuat kritikan:

“Ihtajju bi-syajara wa adhau thamarah.”

(Mereka berhujah bahawa mereka daripada satu pokok (dari puak Nabi) dan kemudian mereka memusnahkan buahnya (keluarga).

Dengan memerhati secara tenang tentang kejadian itu, kita tidak akan dapat menamakannya sebagai “ pilihanraya ” kerana para pemilih (semua orang Islam bertaburan di merata-rata tempat di tanah Arab atau sekurang-kurangnya, semua penduduk Madinah) tidak tahu menahu tentang adanya pemilihan dengan mengenepikan tarikh, tempat dan masa “pemilihan ” itu diadakan. Bukan hanya para pemilih sahaja bahkan calon-calon yang dijangkakan juga tidak mengetahui apa yang sedang berlaku di Saqifah.

Kita tidak boleh juga menamakannya sebagai “ pemilihan ” kerana kebanyakannya sahabat Nabi yang terkemuka tidak mengetahui mengenai peristiwa tersebut. ‘Ali (‘a.s), ‘Abbas, ‘Uthman, Talhah, Zubair, Sa’d bin Abi Waqqas, Salman al-Farisi, Abu Dhar, ‘Ammar, Miqdad, ‘Abd al- Rahman bin ‘Auf - tiada seorang pun diberitahu atau diminta nasihat daripada mereka.

Satu-satunya alasan atau hujah yang boleh diketengahkan mengenai *Khilafah* ini adalah seperti berikut: “Apa saja kedudukan yang sah dalam peristiwa Saqifah, Abu Bakr berjaya mencapainya

kerana tradisi kepuakan, dengan mengambil kekuasaan, dia telah dianggap sebagai *Khalifah berperlembagaan*.”

Dengan kata-kata lain, Abu Bakr menjadi Khalifah berperlembagaan kerana dia berjaya dalam usahanya untuk berkuasa.

Justeru itu, umat Islam yang diajari supaya meraikan peristiwa ini secara tidak langsung telah dididik bahawa satu-satunya perkara yang terbabit adalah “kuasa.” Sekali anda terjamin dalam kekuasaan, semuanya akan selesai. Anda akan menjadi ketua negara “berperlembagaan.”

Akhirnya, saya petik pendapat ‘Umar yang menjadi pelaksana *Khilafah*. Dia mengatakan dalam ucapannya semasa menjadi Khalifah:

“Aku telah diberitahu ada seseorang mengatakan: “Apabila ‘Umar mati, aku akan membai‘ah si polan. Tidak ada seorang pun harus disesatkan seperti ini, dengan berfikir bahawa bai‘ah Abu Bakr adalah dibuat secara tergesa-gesa dan selesai. Memang benar, ia dibuat secara tergesa-gesa tetapi Allah telah menyelamatkannya dari kejahanatan. Sekarang, seandainya ada orang yang ingin mengulanginya kembali, aku akan memotong lehernya.”²⁰

(24) PENCALONAN ‘UMAR

Sunni percaya apa yang telah berlaku di Saqifah adalah satu “pilihanraya,” ia adalah manifestasi daripada ajaran demokrasi Islam.

Dengan meneliti kepercayaan tersebut, wajarlah dianggap ia sebagai “pemilihan secara demokrasi” (apa sahaja istilah yang diberikan dengan berlatarbelakangkan peristiwa Saqifah) dan terus dijadikan sebagai asas *Khilafah* Islam.

Namun, hal tersebut bukanlah seperti yang dijangkakan. Abu Bakr terutang budi kepada ‘Umar dalam menegakkan *Khilafahnya* dan

²⁰ Al-Bukhari, *Sahih*, IV, hlm. 110 - 111; Ahmad ibn Hanbal, *Musnad*, I, hlm. 55.

dia sememangnya tahu bahawa sekiranya orang ramai diberikan kebebasan sepenuhnya untuk menentukan pilihan mereka, ‘Umar pasti tidak langsung mempunyai peluang mendapatkannya. (Dia dikenali sebagai “*fazzan ghaliz al-qalb*” – kasar dan keras hati.) Oleh kerana itu, Abu Bakr memutuskan untuk mencalonkan sendiri pengantinya iaitu ‘Umar.

Al-Tabari²¹ menceritakan: “Abu Bakr memanggil ‘Uthman apabila dia (Abu Bakr) sedang sakit yang tenat, lalu memberitahunya tentang perintah pemilihan dengan menetapkan baginya:

“Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani. Inilah perintah ‘Abdullah bin Abi Quhafah (Abu Bakr) kepada umat Islam...”

Kemudian, dia tidak sedarkan diri, lalu ‘Uthman menambahkan perkataan-perkataan berikut: “Aku melantik ‘Umar bin al-Khattab sebagai pengganti di kalangan kamu semua.”

Tidak berapa lama kemudian, Abu Bakr pulih kembali dan meminta ‘Uthman membacakan kembali perintah itu kepadanya. ‘Uthman lalu membacakannya: “Abu Bakr berkata: “*Allah-Akbar*” dan merasa sungguh gembira. Kemudian, dia memberikan pendapatnya: “Aku fikir kamu takut orang ramai akan berbalah sesama sendiri sekiranya aku mati dalam keadaan tidak sedar diri.” ‘Uthman mengiyakannya.

Abu Bakr berkata: “Moga-moga Allah memberikan balasan pahala kepadamu kerana Islam dan umatnya.” Oleh yang demikian, surat perlantikan itu selesai dan Abu Bakr memerintahkan supaya dibaca di hadapan orang-orang Islam.

Al-‘Allamah Ibn Abi al-Hadid menuliskan bahawa apabila Abu Bakr sedar kembali dan penulisnya membacakan apa yang telah dituliskan, lalu Abu Bakr terdengar nama ‘Umar disebut. Dia bertanya kepadanya: “Bagaimana engkau boleh menuliskannya?” Penulis itu

²¹ *Tarikh*, III, hlm. 429.

menjawab: “ Engkau tidak akan mengenepikannya.” Abu Bakr menjelaskan: “ Memang benar.”

Tidak lama kemudian, Abu Bakr pun meninggal dunia.

‘Umar dapat menjadi *Khalifah* menerusi pemilihan itu. Di sini, eloklah rasanya diperangkatkan kembali tentang suatu peristiwa yang berlaku tiga (3) atau lima (5) hari sebelum wafat Nabi (s.‘a.w).

Dalam *Sahih Muslim*, ada sebuah hadith daripada Ibn ‘Abbas berbunyi: “ Tiga (3) hari sebelum wafat Nabi (s.‘a.w), ‘Umar bin al-Khattab dan para sahabatnya yang lain berada di sisi baginda. Nabi (s.‘a.w) bersabda: “ Sekarang, biarlah aku meninggalkan wasiat untuk kamu semua supaya kamu tidak akan tersesat selepasku.” ‘Umar berkata: “ Rasulullah meracau (*hajara*), cukuplah kitab Allah bagi kita.” Kenyataan ‘Umar itu menyebabkan berlakunya kegemparan di kalangan para hadirin di situ. Sebahagiannya mengatakan perintah Nabi wajib ditaati agar baginda dapat menulis apa sahaja yang disukainya bagi kebaikan mereka. Sebahagian yang lain menyokong ‘Umar. Apabila keadaan bertambah tegang, Nabi (s.‘a.w)berkata: “ Keluar.”

Beberapa keterangan al-Qur’ān sewajarnya dibentangkan di sini:

Umat Islam sepatutnya meneliti firman Allah berikut:

“ Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suaramu lebih daripada suara Nabi, dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara keras sebagaimana kerasnya (suara) sebahagian kamu terhadap sebahagian yang lain.”²²

Kata-kata Nabi (s.‘a.w) adalah wahyu daripada Allah (s.w.t):

²²Al-Qur’ān, surah al-Hujurat (49): 2.

“ Dan tiadalah yang diucapkannya itu (al-Qur'an) menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya).” (Surah al-Najm (53): 3 - 4)

Umat Islam diwajib mematuhi perintah baginda tanpa sebarang pertanyaan dan alasan “kalau” atau “tetapi.”

“ Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah ia, dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkan.”²³

Ketika Nabi (s.'a.w) “ lima (5) hari sebelum wafatnya ingin menuliskan perintah untuk menyelamatkan umat Islam daripada sesat, baginda dituduh “meracau.”

Ketika Abu Bakr yang langsung tidak diberikan pemeliharaan Allah dari sebarang kesalahan, mulai menulis surat pemilihan dalam keadaan yang tenat hingga dia tidak sedarkan diri sebelum selesai menulis nama penggantinya, ‘Umar tidak pula mengatakan Abu Bakr “meracau.”

Tiada seorang pun yang dapat memastikan apa yang ingin dituliskan oleh Nabi (s.'a.w), tetapi berdasarkan ayat yang digunakan, ia dapat memahamkan kami. Dalam beberapa peristiwa, Nabi (s.'a.w) telah memaklumkan:

“ Wahai manusia! Sesungguhnya aku tinggalkan kepadamu dua perkara yang sangat berharga. *Kitab Allah* dan *Itrahku* iaitu *Ahl al-Baitku*. Kamu tidak akan tersesat selama-lamanya dengan berpegang teguh kepada kedua-duanya.”

Sewaktu baginda menggunakan kata-kata yang sama, lima (5) hari sebelum wafat, (Aku tuliskan perintah untuk kamu agar kamu semua tidak akan tersesat selepasku) sememangnya cukup mudah untuk difahami iaitu Nabi (s.'a.w) ingin menuliskan apa yang telah sering

²³Al-Qur'an, surah al-Hasyr (59): 7.

diterangkannya kepada mereka mengenai perintah berpegang teguh kepada al-Qur'an dan *Ahl al-Bait* baginda.

Sejauh yang dapat difahami daripada dakwaan 'Umar: "Cukuplah kitab Allah bagi kita," kemungkinan 'Umar ingin memberitahu Nabi (s.'a.w) bahawa dia tidak akan mengikuti "dua perkara yang sangat berharga itu." Memadailah dengan satu sahaja baginya.

Perkataan "meracau" telah menjelaskan tujuannya kalaupun Nabi (s.'a.w) telah menuliskan perintah baginda itu. 'Umar dan kumpulannya mendakwa bahawa oleh kerana ia (perintah itu) ditulis dalam keadaan Nabi (s.'a.w) "meracau," ia dianggap tidak sah.

(25): SYURA: MAJLIS

Selepas memerintah selama hampir sepuluh (10) tahun, 'Umar telah mengalami luka parah, akibat angkara jahat Firoz, hamba Majusi.

'Umar cukup banyak terhutang budi kepada 'Uthman (kerana surat pemilihan itu) tetapi dia tidak suka secara terus-terang mencalonkannya sebagai penggantinya, dan tidak juga memberikan kebebasan sepenuhnya kepada umat Islam membuat pilihan mereka sendiri selepasnya. Dia dengan secara terang-terangan telah menciptakan sistem pemilihan yang ketiga.

Katanya: "Sesungguhnya, Rasulullah (s.'a.w) telah wafat dan baginda menyenangi enam (6) orang berikut daripada golongan Quraisy: 'Ali ('a.s), 'Uthman, Talhah, Zubair, Sa'd bin Abi Waqqas dan 'Abd al-Rahman bin 'Auf. Aku telah membuat keputusan untuk menjadikan pemilihan Khalifah berdasarkan *syura* di antara mereka supaya mereka dapat memilih seorang dari kalangan mereka sendiri."

Mereka semua dipanggil apabila 'Umar berada dalam keadaan tenat. Apabila dia melihat keenam-enamnya, dia lalu berkata: "Setiap orang di antara kamu ingin menjadi Khalifah sesudahku?" Tidak ada yang menjawab. Dia mengulangi soalannya. Kemudian Zubair berkata: "Apa pula halangan yang boleh menghalang kami? Kamu telah memperolehi dan mentadbirkannya, sedangkan kami pula bukanlah

orang yang lebih rendah darjatnya berbanding denganmu dalam kaum Quraisy, sama ada dari segi keterdahuluan (dalam Islam) maupun pertalian (dengan Nabi).”

‘Umar membalas: “ Haruskah aku jelaskan tentang dirimu?” Zubair menjawab: “Beritahulah kami kerana biarpun kami meminta agar engkau tidak memberitahukannya, engkau tetap tidak akan mendengarnya.”

Kemudian, ‘Umar mulailah menghitung sifat-sifat buruk Zubair, Talhah, Sa‘d bin Abi Waqqas dan ‘Abd al-Rahman bin ‘Auf.

Selepas itu, dia menghadap ‘Ali (‘a.s) sambil berkata: “ Demi Allah! Engkau memang berhak terhadap *Khilafah*, kalau engkau bersifat lunak. Bagaimanapun demi Allah, seandainya kamu semua menjadikan ‘Ali (‘a.s) sebagai pemerintah, pasti beliau akan membawamu kepada kebenaran dan jalan yang lurus.”

Seterusnya dia memandang ke arah ‘Uthman sambil berkata: “ Ambillah ia daripadaku kerana aku melihat seperti kaum Quraisy telah mengalungkannya (*Khilafah*) ke tengkukmu kerana mereka mencintaimu. Selepas itu, engkau akan menyerahkannya pula kepada Bani Umaiyyah dan Bani Abi Mu‘it (kaum ‘Uthman) untuk memegang tanggungjawab ke atas orang ramai (sebagai pemerintah) dan menganugerahkan harta (umat Islam) kepada mereka. Sebagai akibatnya, sekumpulan serigala Arab akan datang kepadamu dan membunuhmu di atas katilmu itu.”

“ Demi Allah! Sekiranya mereka (kaum Quraisy) melakukannya, tentu engkau akan melaksanakannya, dan sekiranya engkau melaksanakannya, umat Islam pasti turut melakukannya.” (Sekiranya kaum Quraisy menyerahkan *Khilafah* kepada ‘Uthman, dia tentu sekali akan menyerahkan *Khilafah* kepada Bani Umaiyyah dan sekiranya ‘Uthman berbuat demikian, umat Islam sudah pasti akan membunuhnya.)

Lalu, ‘Umar memegang kepala ‘Uthman dan berkata: “ Oleh kerana itu, seandainya ia terjadi, ingatilah kata-kataku kerana ia akan berlaku.”

‘Umar memanggil Abu Talhah al-Ansari dan memberitahuinya bahawa selepas pengkebumiannya (‘Umar), dia hendaklah mendapatkan lima puluh (50) orang kaum Ansar, yang lengkap bersenjatakan pedang, dan mengumpulkan keenam-enam orang yang telah dinyatakan tadi (calon-calon pilihan) dalam sebuah rumah untuk memilih salah seorang daripada mereka sebagai Khalifah.

Sekiranya lima (5) orang bersetuju dan seorang lagi menentang, dia hendaklah dipancung. Sekiranya empat (4) orang bersetuju manakala dua (2) orang menentang, kedua-duanya hendaklah dipancung. Seandainya keputusannya sama: $3 = 3$, pilihan ‘Abd al-Rahman bin ‘Auf hendaklah diterima dan sekiranya tiga (3) orang yang lain enggan bersetuju dengannya, mereka hendaklah dipancung. Seandainya tiga (3) hari berlalu, dan mereka belum dapat mencapai sebarang keputusan, kesemuanya hendaklah dipancung dan umat Islam hendaklah diberikan kebebasan memilih Khalifah mereka.

Pengarang Syi‘ah, Qutb al-Rawandi menceritakan bahawa apabila ‘Umar menetapkan bahawa kumpulan ‘Abd al-Rahman bin ‘Auf patut menang, ‘Abdullah bin ‘Abbas berkata kepada ‘Ali: “Sekali lagi, ia merupakan suatu kekalahan bagi kita. Orang ini (‘Umar) mahu supaya ‘Uthman menjadi Khalifah.”

‘Ali (‘a.s) membalias: “Aku juga tahu tentang perkara itu, begitu pun aku tetap bersama-sama mereka dalam majlis syura kerana ‘Umar, menerusi penetapan itu, sekurang-kurangnya dia telah memaklumkan secara umum serta mengakui bahawa aku lebih berhak terhadap *Khilafah*, sedangkan sebelum itu dia mengatakan bahawa *Nubuwah* dan *Imamah* tidak akan bersatu dalam sebuah keluarga. Justeru itu, aku akan turut terlibat dalam majlis *syura* untuk memperlihatkan kepada umum tentang pertentangan di antara perbuatan dan perkataan ‘Umar itu.”

Kenapakah ‘Ali (‘a.s) dan ‘Abbas merasa yakin ‘Umar ingin agar ‘Uthman menjadi Khalifah? Ini disebabkan oleh majlis *syura* dan orang yang menjadi faktor penentunya.

‘Abd al-Rahman ialah suami adik perempuan ‘Uthman, manakala Sa‘d bin Abi Waqqas dan ‘Abd al-Rahman pula daripada keluarga yang sama dan bersaudara sepupu.

Dengan melihat kepada ikatan kekeluargaan di tanah Arab itu, sememangnya tidak masuk akal Sa‘d akan menentang ‘Abd al-Rahman ataupun ‘Abd al-Rahman akan menyingkirkan ‘Uthman. Oleh itu, tiga (3) undi telah terjamin di pihak ‘Uthman termasuk undi penentu oleh ‘Abd al-Rahman.

Berhubung dengan Talhah pula, dia adalah berasal daripada puak Abu Bakr. Sejak dari hari Saqifah lagi, Bani Hasyim dan Bani Taim sentiasa bermusuhan di antara satu dengan yang lain. Justeru itu, Talhah sudah pasti tidak akan menyebelahi ‘Ali (‘a.s).

Zubair pula ialah anak Safiyyah (emak saudara Ali) dan selepas peristiwa Saqifah, dia telah menghunuskan pedangnya untuk memerangi orang-orang yang memasuki rumah ‘Ali (‘a.s) yang bertujuan membawanya kepada Abu Bakr. Logiklah diandaikan dia akan menyebelahi ‘Ali (‘a.s), tetapi di satu pihak lagi, dia juga turut berusaha mendapatkan *Khilafah* untuk dirinya sendiri.

Dengan demikian, perkara terbesar yang dapat ‘Ali (‘a.s) harapkan hanyalah pendapatnya sendiri, dan juga Zubair di pihaknya. Namun, empat (4) orang pasti menentangnya, dan tentulah dia akan tewas. Diandaikan berlaku sesuatu perkara yang luarbiasa walaupun agak mustahil iaitu Talhah memihak kepada ‘Ali (‘a.s), beliau masih tidak dapat menjadi *Khalifah* kerana dalam hal persamaan (dari segi undi ini), undi ‘Abd al-Rahman akan menjadi faktor penentu.

Kajian teliti yang dibuat mengenai faktor-faktor penentuan kepada apa yang berlaku dalam majlis *syura* hanyalah merupakan pembicaraan ilmiah semata-mata.

Talhah menarik diri dari menyokong ‘Uthman, secara langsung Zubair menarik diri dari menyokong ‘Ali (‘a.s), manakala Sa‘d menyebelahi ‘Abd al-Rahman bin ‘Auf.

Pada hari ketiga, ‘Abd al-Rahman bin ‘Auf menarik balik namanya dan memberitahu ‘Ali (‘a.s) bahawa dia akan menjadikan ‘Ali (‘a.s) sebagai *Khalifah* sekiranya ‘Ali (‘a.s) berjanji mematuhi kitab Allah, Sunnah Nabi dan sistem Abu Bakr dan ‘Umar.

‘Abd al-Rahman memang benar-benar mengetahui jawapannya. ‘Ali (‘a.s) menjelaskan kepadanya: “ Kitab Allah, Sunnah Nabi dan pendapat aku.”

Kemudian, ‘Abd al-Rahman meletakkan syarat yang serupa kepada ‘Uthman yang bersedia mematuhi. Lalu ‘Abd al-Rahman mengumumkan ‘Uthman menjadi *Khalifah*.

‘Ali (‘a.s) memberitahu ‘Abd al-Rahman: “ Demi Allah! Engkau melakukannya dengan harapan yang sama seperti (‘Umar) telah perolehi daripada sahabatnya. (Beliau maksudkan bahawa ‘Abd al-Rahman menjadikan ‘Uthman sebagai *Khalifah* dengan harapan agar ‘Uthman akan memilihnya pula sebagai *Khalifahnya*.)

Seterusnya ‘Ali (‘a.s) berkata: “ Moga-moga Allah menjadikan permusuhan di antara kamu berdua.”

Selang beberapa tahun kemudian, ‘Abd al-Rahman dan ‘Uthman saling benci-membenci di antara sesama mereka dan tidak pernah bercakap sehingga ‘Abd al-Rahman meninggal dunia.

(26) KEKUATAN KETENTERAAN

‘Uthman, Khalifah ketiga telah dibunuh oleh orang-orang Islam yang merasa marah dengan dasar pilih kasihnya. Kini, keadaan tidak memberikan peluang kepadanya untuk memastikan pengganti menurut pilihannya sendiri. Umat Islam bagi kali yang pertama benar-benar bebas memilih dan menetapkan *Khalifah* menurut kehendak mereka lalu mereka berduyun-duyun menuju ke rumah ‘Ali (‘a.s).

Namun begitu, di sepanjang masa dua puluh lima (25) tahun yang lepas sejak kewafatan Nabi (s.’a.w), keadaan dan sifat umat Islam telah banyak berubah hingga ramai orang yang terkemuka mendapati

pemerintahan ‘Ali (‘a.s) (yang seratus peratus berdasarkan keadilan dan persamaan yang total sama seperti pemerintahan Rasulullah), mereka tidak dapat bertahan lagi kerana mereka tidak dapat menerima diri mereka dilayani sama dengan orang-orang Islam bukan Arab. Lantaran itu, Talhah, Zubair dan ‘A’isyah mulai bertindak diikuti oleh Mu‘awiyah menentang ‘Ali (‘a.s).

Selepas ‘Ali (‘a.s) mati syahid, Imam Hasan (‘a.s) ingin meneruskan perang terhadap Mu‘awiyah tetapi kebanyakan pegawaiannya telah diberikan rasuah oleh Mu‘awiyah dan ramai panglima tenteranya yang dihantar ke medan perang untuk menghalang Mu‘awiyah telah berpaling tada dan menyebelahi musuh. Dalam situasi ini, Imam Hasan (‘a.s) terpaksa menerima tawaran perdamaian dengan Mu‘awiyah.

Kini, selepas perdamaian dimeterai, Sunni mengatakan bahawa kekuatan tentera adalah satu lagi cara yang sah untuk mendapatkan *Khilafah*. Oleh itu, wujudlah empat (4) sistem pemilihan *Khilafah*.

(27) PANDANGAN UMUM MENGENAI PERKARA DI ATAS

Dalam keadaan politik yang sebenar, biasanya perlombagaan negara disediakan dengan jelas, dan apabila masa telah tiba untuk memilih kerajaan atau mengesahkan sesuatu perundangan dan lain-lain, setiap fungsi dilakukan dan dilaksanakan berdasarkan perlombagaan tersebut. Apa sahaja yang selaras dengannya dianggap sah dan diakui, manakala yang berlawanan dengan perlombagaan pula ditolak sebagai tidak sah dan batal.

Oleh kerana menurut pandangan Sunni, umat manusia bertanggungjawab melantik Khalifah untuk diri mereka sendiri, Allah dan Rasul-Nya wajiblah memberikan mereka suatu perlombagaan (dengan segala peraturan pemilihan khalifah secara terperinci). Kalau ia tidak dijalankan, lalu umat Islam sendirilah yang patut meluluskan ketetapan perlombagaan sebelum terlebih dahulu memilih seseorang khalifah.

Namun cukup menghairankan sekali, ia tidak dilakukan dan kini kita dapati “perlombagaan tidak berkeputusan” yang sungguh unik

(kerana sememangnya ia tidak wujud), tetapi perlembagaan tersebut dibuat adalah berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku.

Hujah yang paling baik dikemukakan oleh Sunni untuk menyokong dakwaan mereka ialah umat Islam pada abad pertama menganggapnya sebagai tanggungjawab mereka memilih khalifah dan mereka beranggapan ia begitu penting sehingga menyebabkan mereka terlupa untuk menghadirkan diri ke pemaqaman Nabi (s.'a.w), sebaliknya pergi ke Saqifah Bani Sa'idah untuk menyelesaikan persoalan *Khilafah*. Dari peristiwa tersebut, mereka membuat kesimpulan bahawa pemilihan khalifah adalah menjadi kewajipan umat manusia.

Namun begitu, mereka gagal memahami “kesahihan” apa yang dipanggil “pilihanraya” (election) dan itulah sebenarnya yang ditentang oleh Syi‘ah.

Orang-orang Syi‘ah mendakwa bahawa peristiwa tersebut adalah tidak sah, sedangkan Sunni pula mendakwa ia adalah sah. Kini, bagaimanakah mereka dapat mengemukakan dakwaan tersebut sebagai hujah dan alasan mereka?

Untuk mengemukakan dakwaan sebagai hujah, samalah seperti mengatakan: “Perbuatan saya ini adalah sah kerana sayalah yang melakukannya.”

Saya sendiri tidak tahu mahkamah keadilan yang manakah akan menyokong hujah di atas!

(28) PIHAK YANG BERSIFAT PRAKTIKAL

Tinggalkan dulu aspek ilmiah dalam kaedah atau sistem tadi. Marilah kita lihat apa kesan-kesannya ke atas kepemimpinan Islam dan pemikiran umat Islam.

Dalam masa 30 tahun selepas wafat Nabi (s.'a.w), setiap cara yang boleh difikirkan bagi mendapatkan kuasa digunakan dan dikanunkan sama ada pemilihan, penetapan, pencalonan dan kekuatan tentera. Malahan selepas abad-abad tersebut, mana-mana cara yang

lain untuk mendapatkan kuasa tidak terfikir akan ada lagi. Kesannya pada hari ini, setiap pemimpin Islam bercita-cita mendapatkan *Khilafah* dan kepemimpinan ruhani ke atas umat Islam. Inilah kelemahan yang mendasar dalam pandangan umat Islam yang terus berkekalan, bahkan hingga ke hari ini, menjadi punca yang asasi kepada ketidakstabilan politik dalam dunia Islam. Setiap pemerintah Islam yang terdiri daripada orang Islam dididik bahawa kekuasaan tentera adalah cara berperlembagaan kepada *Khilafah* menyebabkan mereka berusaha untuk melemahkan pemerintah-pemerintah Islam yang lain agar dia sendiri dapat muncul sebagai pemerintah Islam yang paling berkuasa. Oleh kerana itu, perlembagaan ini telah memberikan sumbangan secara langsung kepada kelemahan umat Islam dalam Dunia Islam.

Selain dari itu, marilah kita lihat sekali lagi bagaimana semua lingkungan kaedah atau sistem tadi telah membuktikan secara langsung kesannya selepas ia dicipta. Empat kaedah atau sistem *Khilafah* ini tidak bererti sama sekali hinggakan sesiapa sahaja boleh masuk ke dalam sistem *Khilafah* ini, tanpa melihat kepada aspek keilmuan mahupun akhlak mereka. Khalifah pertama selepas Mu‘awiyah ialah Yazid yang dicalonkan oleh Mu‘awiyah dan memiliki kekuasaan tentera yang tiada tolok bandingnya. Oleh kerana itu, dia dikatakan Khalifah berperlembagaan, tetapi apakah kepercayaan dan akhlaknya? Yazid ialah seorang yang secara terang-terangan menolak beriman kepada Nabi (s.‘a.w). Dia secara terus terang menyatakan kepercayaannya itu dalam syair ini:

“Bani Hasyim (Nabi dan *Ahl al-Bait*) berusaha untuk mendapatkan pemerintahan. Sebenarnya tidak wujud khabar berita daripada Allah dan wahyu-Nya.”

Begitu juga dia tidak mempercayai Hari Qiyamat: “Wahai sayangku! (Usahlah percaya dapat menemuiku selepas mati kerana) apa yang mereka beritahukan kepadamu tentang kebangkitan kita selepas mati untuk pengadilan hanyalah angan-angan semata-mata yang menyebabkan hati-hati melupakan keseronokan dunia yang sebenarnya.”

Selepas memegang *Khilafah*, dengan secara terbuka dia mempermain-mainkan beberapa aspek asasi Islam (seperti yang telah kami huraikan), menunjukkan sikapnya yang tidak menghormati agama dengan meletakkan pakaian pemimpin agama ke atas anjing dan kera. Berjudi dan bermain dengan beruang merupakan kegemaran masa lapangnya. Dia menghabiskan seluruh masanya dengan minum (arak) tanpa mengira tempat dan tanpa segan-silu. Dia langsung tidak menghormati kaum wanita bahkan wanita-wanita yang diharamkan baginya seperti ibu, kakak, adik perempuan, emak saudara dan anak perempuan dianggap sama seperti mana-mana wanita lain, pada pandangannya.

MADINAH DINODAI

Yazid telah menghantar tenteranya ke Madinah. Kota suci Nabi (s.‘a.w) diperlakukan dengan cara sesuka hati. 300 orang anak dara, selain daripada kaum wanita yang lain menjadi mangsa nafsu buas mereka. 300 orang Qari al-Qur'an dan 700 orang sahabat Nabi (s.‘a.w) dibunuh dengan kejam. Masjid suci Nabi (s.‘a.w) ditutup selama beberapa hari, tentera Yazid menggunakan sebagai tempat menyimpan kuda-kuda mereka.

Anjing menjadikannya tempat berlindung dan mimbar Nabi (s.‘a.w) dikotori oleh binatang-binatang tersebut. Akhirnya, panglima tentera memaksa penduduk tunduk di hadapan Yazid dengan bersumpah: “ Kami semua ialah hamba-hamba Yazid, terpulanglah kepadanya sama ada dia memberikan kemerdekaan kepada kami semula ataupun menjualkan kami di pasar hamba abdi.” Bagi orang-orang yang hendak bersumpah dengan syarat-syarat menurut perintah al-Qur'an dan Sunnah Nabi, bagi Yazid akan dihukum bunuh. Di sini, disebutkan sebuah hadith yang mengatakan: “ Seseorang yang menjadikan penduduk Madinah berada dalam ketakutan adalah dilaknat dengan kemurkaan Allah yang berkekalan.”

MAKKAH DIKEPUNG

Tentera Yazid itu atas arahan daripadanya meneruskan perjalanan ke kota Makkah. Kota suci itu telah dikepung oleh mereka. Oleh kerana

mereka tidak dapat memasuki kota itu, lalu digunakan *manjanik* (sejenis alat digunakan untuk melontar batu yang besar ke arah sasaran yang jauh). Dengan bantuan alat itu, mereka melontarkan batu dan kayu api ke arah Ka'bah yang menjadi sasaran. Kain *kiswa* iaitu kain penutup Ka'bah telah terbakar dan sebahagian dari binaan bangunan suci tersebut runtuh.

(29) WALID DAN HARUN AL-RASYID

Bukan itu sahaja. Ia terbukti menjadi suatu hukum bersifat umum. Walid bin Yazid bin ‘Abd al-Malik adalah di antara khalifah-khalifah lain daripada Bani Umayyah. Dia adalah seorang kaki botol.

Pada suatu malam, dia sedang minum dengan salah seorang perempuan simpanannya, sehingga mereka terdengar azan subuh. Dia lalu menyuruh perempuan itu tadi menjadi Imam sembahyang. Perempuan itu memakai jubah khalifah dan mengimamkan sembahyang dalam keadaan mabuk sama sepertinya.

Pada suatu hari, dia terlihat anak gadisnya yang belum berkahwin lalu memuaskan nafsu buasnya itu. Orang gaji perempuannya sedang berada di situ. Dia mengatakan, perkara itu bukanlah dari ajaran Islam, bahkan ia adalah dari ajaran agama Majusi. Walid membala dengan kata-katanya:

“ Seseorang yang terlalu mengambil berat kata-kata orang lain akan mati dalam kerugian manakala orang yang berani akan mendapat semua keseronokan.”

Harun al-Rasyid, khalifah yang masyhur dengan “ Seribu satu malam ” dan dikatakan sebagai salah seorang khalifah yang hebat, ingin tidur dengan perempuan simpanan almarhum ayahnya. Perempuan itu menjelaskan bahawa hal itu tidak mungkin terjadi kerana kedudukannya samalah seperti ibunya sendiri. Harun al-Rasyid memanggil Qadi Abu Yusuf dan memberitahunya supaya mencari jalan bagi memuaskan nafsunya itu. Qadi berkata: “ Dia hanyalah seorang hamba. Patutkah tuan menerima apa sahaja yang dikatakannya? Tidak. Janganlah tuan menganggap kata-katanya itu sebagai benar.”

Justeru itu, khalifah dapat melaksanakan juga cita-citanya, Ibn Mubarak mengkritik: “ Aku tidak tahu siapa di antara tiga (3) orang ini yang paling menghairankan, sama ada khalifah yang melakukan perbuatan itu dan mengambil harta orang-orang Islam serta tidak menghormati ibu tirinya; atau hamba perempuan yang enggan memuaskan nafsu khalifah; ataupun Qadi yang membenarkan khalifah menjatuhkan martabat ayahnya dan mengizinkan khalifah tidur bersama-sama dengan perempuan simpanan ayahnya yang juga merupakan ibu tirinya.

(30) PENGARUH KE ATAS KEPERCAYAAN TERHADAP KEADILAN ALLAH DAN `ISMAH

Kepercayaan Sunni mengenai dasar *Khilafah* seperti yang dijelaskan tadi telah melemahkan politik umat Islam, dan menjadikan mereka patuh kepada sesiapa sahaja yang berjaya dalam usaha mereka untuk berkuasa tanpa melihat kepada sifat dan akhlak mereka. Walaupun tidak memadai, ia telah memaksa mereka mengubah pandangan dan kepercayaan agama mereka secara menyeluruh.

Pertamanya, kebanyakan khalifah mereka tidak mempunyai sebarang perasaan cinta akan agama dan keimanan. Jadi untuk menentukan *Khilafah* daripada khalifah seperti itu, mereka terpaksa mengatakan bahawa para nabi juga turut berbuat dosa dan salah. Oleh itu, kepercayaan kepada *Ismah* (pemeliharaan Allah dari dosa) nabi-nabi telah mengalami perubahan. Terdapat beribu-ribu orang yang lebih alim, bertaqwah dan lebih layak terhadap *Khilafah* daripada khalifah yang berada di atas singgahsana, menyebabkan mereka terpaksa mengatakan bahawa “tidak ada salahnya mendahulukan orang yang rendah darjatnya daripada orang yang lebih tinggi.” Namun, Syi‘ah telah menunjukkan bahawa berdasarkan logik akal, hal tersebut hanya membawa keburukan jika mendahulukan orang yang lebih rendah darjatnya apabila ada orang yang lebih mulia dan utama. Sebagai menjawab persoalan di atas, Sunni terpaksa mengatakan bahawa tidak ada baik dan buruk padanya, apa sahaja yang Tuhan suruh kita lakukannya adalah baik dan apa sahaja yang Tuhan larang adalah buruk.

Berhubung dengan akal, mereka menafikan kedudukannya dalam agama. Tidak mungkin dapat dikemukakan secara terperinci untuk menunjukkan bagaimana kepercayaan dalam dasar *Khilafah* Sunni mempengaruhi keseluruhan *Usul al-Din* Islam.

Namun begitu, saya berpendapat keterangan ringkas ini memadai buat masa ini.

Di sini, wujudlah bukan hanya para nabi sahaja yang disisihkan daripada sifat *Ismah* mereka, bahkan Tuhan juga telah disisihkan daripada *al-'Adl* (keadilan)-Nya. Dengan latar belakang inilah, keutamaan menyeluruh tentang ayat al-Qur'an yang diwahyukan di Ghadir itu mudah difahami:

“ Wahai rasul! Sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu daripada Tuhan-Mu, sekiranya engkau tidak melakukannya, seolah-olah engkau tidak menyampaikan risalah-Nya. Sesungguhnya Allah akan memeliharamu dari manusia.”

Oleh kerana amalan dan kepercayaan Islam bergantung kepada *Khilafah* ‘Ali (‘a.s), dikatakan bahawa sekiranya perintah itu disampaikan kepada semua, keselamatan dan kesejahteraan *al-Din* keseluruhannya yang bergantung kepada *Khilafah* ‘Ali (‘a.s) selepas Nabi (s.‘a.w) akan terjamin.

(31) PEMERINTAHAN BERCORAK DINASTI

Sesetengah orang mengatakan kepercayaan Syi'ah itu bermaksud Nabi (s.‘a.w) ingin menegakkan dinasti bersifat monarki (beraja) kepada kaum kerabat baginda. Namun demikian, baginda gagal menjayakannya.

Mereka berusaha memperlihatkan bahawa Nabi (s.‘a.w) tidak mempunyai sebarang matlamat untuk kepentingan diri, dan secara langsung kepercayaan Syi'ah itu dikatakan oleh mereka sebagai tidak benar. Bagaimanapun, orang-orang itulah juga yang mengatakan bahawa Nabi (s.‘a.w) pernah bersabda:

“*al-A ’immah min Quraisy.*”

(Para Imam hendaklah daripada kaum Quraisy).

Sanggupkah mereka mengatakan hadith tersebut bermaksud Nabi (s.’a.w) ingin menegakkan pemerintahan untuk kaumnya? Sanggupkan mereka mengatakan bahawa Nabi mengatakannya kerana bertujuan untuk kepentingan dirinya? Seperti dijelaskan terlebih dahulu bahawa Abu Bakr telah mematikan hujah kaum Ansar dengan mengatakan bahawa disebabkan Nabi (s.’a.w) daripada kaum Quraisy, orang-orang Arab tidak akan menerima orang-orang bukan Quraisy sebagai *Khalifah*. Hujah tadi membuatkan kaum Ansar terdiam.

Dengan hujah yang sama, seandainya ahli keluarga Nabi (s.’a.w) (seperti ‘Ali (‘a.s)) dipilih menjadi *Khalifah*, semua orang mesti mentaatinya dan tidak akan ada lagi sebarang perselisihan dan penderitaan. Aspek pemilihan ‘Ali (‘a.s) ini telah pun diakui oleh beberapa orang penulis bukan Islam, termasuklah Mr. Sedillot yang mengatakan:

“ Kalauolah prinsip atau kaedah penggantian secara warisan (keturunan) yang berpihak kepada ‘Ali (‘a.s) diakui dari mula lagi, sudah tentu ia akan dapat menghalang wujudnya faktor-faktor yang membina-sakan yang menyelubungi Islam dengan menumpahkan darah umat Islam. Dalam diri suami Fatimah (‘a.s) ini, terkandung hak penggantian sebagai pewaris nabi yang sebenar-benarnya seperti juga hak pemilihannya (sebagai *Khalifah*).”

UNIT 7 - SOALAN

Jawab mana-mana lima (5) soalan:

1. Apakah faktor utama perbezaan mengenai sifat dan ciri-ciri *Imamah* dan *Khalfah*?
2. Apakah pengertian *afdaliyyat* dalam Islam ? Bagaimanakah anda tahu bahawa ‘Ali (‘a.s) lebih utama daripada orang lain selepas Nabi (s.’a.w) ?
3. Bilakah pengumuman secara terbuka yang pertama sekali mengenai *Khilafah* ‘Ali (‘a.s) dibuat? Huraikan secara ringkas.
4. Bagaimanakah dapat anda buktikan dalam konteks al-Ghadir bahawa perkataan *mawla* dalam hadith itu bermaksud “ ketua atau pemimpin.”

-
5. Nabi bersabda: “ Akan ada 12 orang Khalifah.” Siapakah dua belas (12) orang *Khalifah* itu? Berikan alasan kepada jawapan anda.
 6. Kenapakah ‘Ali (‘a.s) dan Ibn ‘Abbas merasa cukup yakin bahawa ‘Umar menghendaki ‘Uthman menjadi *Khalifah* selepasnya ? Kenapakah ‘Ali (‘a.s) terlibat dalam *syura*.
 7. Apakah kaedah atau sistem bagi mendapatkan Khilafah menurut fahaman Sunni? Apakah kesan atau pengaruh fahaman Sunni tentang “ kepemimpinan ” ke atas politik Islam?

MISI ISLAM BILAL DI TANZANIA

P.O.BOX 20033

DAR AL-SALAM

Edisi pertama: 1971

Edisi kedua : 1974